

**Volume III
No. 31**



**Thursday
18th January, 1962**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)**

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

THE SUPPLY BILL, 1962—

Committee of Supply (Seventh Allotted Day)

Head 15 [Col. 3169]

Heads 16, 17 and 18 [Col. 3251]

FEDERATION OF MALAYA

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Third Session of the First Dewan Ra'ayat

Thursday, 18th January, 1962

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- „ the Prime Minister and Minister of External Affairs, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, P.J.K. (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungai Patani).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).

The Honourable TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N.,
P.I.S. (Segamat Utara).

- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- „ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johor Bahru Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- „ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- „ ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN To' MUDA HASSAN (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu)
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- „ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- „ CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- „ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).
- „ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).

The Honourable ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jekebu-Jempol).

- „ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- „ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- „ ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johor Tenggara).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ TENGKU BESAR INDERA RAJA IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' TOO JOON HING (Telok Anson).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- „ PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

The Honourable the Minister of Internal Security and Minister of the Interior,
 DATO' DR. ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN,
 P.M.N. (Johor Timor).

The Honourable the Minister of Works, Posts and Telecommunications,
DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungai Siput).

„ DATO' SULEIMAN BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N.
(Minister without Portfolio) (Muar Selatan) (*On leave*).

„ the Minister of Transport, DATO' SARDON BIN HAJI JUBIR,
P.M.N. (Pontian Utara).

„ the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN
HAJI TALIB (Kuantan).

„ the Assistant Minister of Commerce and Industry, ENCHE'
CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).

„ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).

„ ENCHE' LIM JOO KONG (Alor Star).

„ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).

„ DR. LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).

„ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).

„ DATO' ONN BIN JA'AFAR, D.K., D.P.M.J. (Kuala Trengganu
Selatan).

„ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).

„ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).

„ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).

„ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

PRAYERS

(Mr. Speaker *in the Chair*)

BILL

THE SUPPLY BILL, 1962

Order read for resumed consideration
in Committee of Supply (Seventh
Allotted Day).

House immediately resolved itself
into Committee of Supply.

(Mr. Speaker *in the Chair*)

SCHEDULE

Head 15—

Resumption of debate on Question:

That the sum of \$223,513,335
for Head 15 stand part of the
Schedule.

Question again proposed.

Mr. Chairman: Ahli² Yang Berhormat, mengikut Peratoran Majlis Meshuarat, Majlis ini boleh membahathkan segala perbelanjaan Rang Undang² Perbekalan bagi tahun hadapan mengikut Jadual di-untokkan sa-lama 2 minggu sahaja. Maka sa-hingga hari ini ia-itu hari yang ketujuh kita baharu sampai kapada Head 14, dan ada lagi beberapa Head di-belakang-nya sa-hingga Head 64. Maka di-sini saya merayu-lah kapada Ahli² Yang Berhormat supaya memendekkan sedikit ucapan sa-berapa boleh, dan chuba-lah jangan di-ulang² segala perkara yang telah di-bangkitkan dalam beberapa hari dahulu supaya dapat kita menghabiskan ka-semua perbelanjaan mengikut masa sa-bagaimana dalam Jadual ini yang di-tetapkan oleh Peratoran Majlis Meshuarat.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, menyambong ucapan saya sa-malam, saya mengambil bahagian untuk berchakap berkenaan dengan Examination Expenses yang telah di-untukkan \$600,000. Saya berasa sedeh memandangkan anak² kita banyak sangat yang tidak lulus peperiksaan dalam masa 2-3 tahun ini. Jadi oleh sebab tidak lulus itu saya hendak tahu apa-kah sebab-nya? Pada hal kalau kita selideki segala rekod lama tentang murid² yang tidak lulus peperiksaan boleh di-katakan sangat kurang—boleh di-katakan ka-bawah daripada 10 peratus, tetapi pada masa ini murid² yang tidak lulus tidak kurang daripada 40 peratus. Pada fikiran saya sebab-nya yang besar, Tuan Pengerusi, ia-lah dengan ada-nya chara menaikkan murid² itu dengan tidak ada peperiksaan—tidak ada pepereksaan naik darjah. Saya suka memberi satu chontoh ia-itu sa-orang murid darjah I pada tahun ini, barangkali oleh sebab sakit sampai 6-7 bulan yang mana murid ini tidak dapat mengejar pelajaran dalam darjah I, tetapi pada tahun kedua dengan sendiri ia di-naikkan darjah II. Oleh sebab ia tidak ada asas (foundation) dalam tahun yang pertama, maka tentu-lah ia susah hendak mengejar pelajaran tahun yang kedua, dan sampai ka-darjah IV murid² ini tidak dapat mengejar pelajaran² itu. Ini-lah sebab-nya murid² tidak lulus dalam peperiksaan. Jadi, Tuan Pengerusi, saya harap dapat di-timbangkan samula, ia-itu mengadakan peperiksaan tiap² tahun, dan di-bolehkannya murid² yang tidak lulus itu di-bolehkannya murid² itu belajar sa-tahun lagi di-sekolah² yang kurang ramai. Saya fikir dengan chara ini keputusan peperiksaan pada masa hadapan akan baik. Yang kedua, Tuan Pengerusi, ada di-antara murid² darjah IV dalam sekolah kebangsaan umur-nya kurang. Pada tahun dahulu di-nasihatkan oleh Guru Besar-nya murid² ini tidak payah masok peperiksaan darjah IV, tetapi pada tahun ini apabila murid² ini hendak belajar telah di-nasihatkan berhenti terus, kerana murid² ini tidak

masok peperiksaan, dan tidak di-benarkan belajar lagi. Jadi ini dua nasihat yang sangat bertentangan, tahun dahulu di-nasihatkan jangan masok peperiksaan, kerana umur-nya rendah, tetapi pada tahun ini apabila murid² itu hendak belajar, di-nasihatkan tidak boleh belajar, kerana murid² ini tidak masok peperiksaan. Jadi di-sini-lah saya harap mendapat pertimbangan, kerana perkara ini banyak terjadi dalam sekolah kebangsaan. Dan begitu juga ada murid² sekolah yang di-benarkan murid ini masok peperiksaan tetapi umur-nya maseh rendah satu tahun, kemudian dia tidak lulus, jadi saya harap murid ini boleh belajar lagi sa-tahun untuk menyamai dengan umur-nya dalam darjah yang dia belajar itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berjangkit kepada Sub-head 15 Maintenance of Fully Assisted Schools dimuka 99 dan juga Sub-head 50 Item (5) Grants to Primary Schools. Saya perhatikan, Tuan Yang di-Pertua, saya ambil satu perkara berkenaan dengan sekolah² orang Asli. Saya perhatikan ia-itu pejabat orang Asli ini mengasingkan anak² orang Asli daripada di-masokkan di-sekolah² kebangsaan kita, pada hal di-tempat²-nya berdekatan dengan sekolah² kebangsaan tetapi pejabat orang Asli ini memang sengaja di-asingkan dengan di-adakan sekolah khas pula—sekolah kebangsaan yang menggunakan bahasa kebangsaan bagi anak² orang Asli. Jadi, rasa saya dasar ini tentu-lah tidak sesuai lagi kerana kita berkehendakkan orang² Asli ini berchampur gaul dengan bangsa kita, jangan-lah di-fikirkan dia itu patut di-asingkan. Dengan chara ini kita akan menuju-lah kepada mutalamat yang kita tuju ia-itu satu bangsa dalam Persekutuan Tanah Melayu.

Yang kedua-nya, pejabat orang Asli ini membuat sekolah² tetapi guru²-nya di-bagikan oleh Pejabat Pelajaran. Ada sekolah di-dirikan tetapi guru²-nya tidak ada, ini terjadi dalam daerah saya. Apakah jadi, saya tengok rumah sekolah itu habis

kerana guru-nya tidak ada. Jadi, saya rasa molek-lah dasar pelajaran ini di-satukan di-bawah Kementerian Pelajaran sahaja tidak-lah di-asingkan satu pejabat orang Asli pula. Satu lagi yang saya fikirkan di-tempat² yang jauh umpama-nya dengan tidak ada berdekatan dengan sekolah kebangsaan, saya ingat ini ada kesulitan-nya sedikit. Saya berkehendakkan guru² ini hendak-lah di-beri dan jangan-lah di-buat sekolah tetapi guru²-nya ta' ada. Akhir-nya sekolah itu rosak dan sa-bagai-nya ini akan merugikan. Saya dengar juga chadangan daripada pejabat ini hendak membuat sekolah menengah khas bagi anak² orang Asli di-Kuala Lumpur. Jadi, saya rasa, ini tidak-lah sesuai lagi kerana di-Kuala Lumpur, kita ada sekolah menengah kebangsaan. Anak² murid ini mesti-lah di-masokkan di-sekolah itu dan jangan-lah di-lainkan, orang² Asli lain pula sekolah kebangsaan-nya dan orang kita lain pula sekolah kebangsaan-nya. Saya minta-lah perkara ini di-perhatikan oleh Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beraleh pula kepada muka 101 ia-itu di-Sub-head 50, Item (8) Grants to Sekolah² Lanjutan Kampong. Ini satu Anggaran Perbelanjaan yang baharu pada tahun ini. Jadi, saya mengalu²kan perbelanjaan ini untuk murid² yang lulus yang umur-nya lebeh daripada untuk memasoki darjah sekolah² menengah. Perkara ini baharu sahaja di-jalankan dan sudah tentu-lah mendapat kesulitan atau menerima segala tegoran² atau kesusahan² daripada ibu-bapa kerana kita tidak dapat mengadakan dengan sa-penoh-nya. Saya harap sa-boleh-nya di-adakan sekolah di-tempat² yang banyak murid²-nya yang tidak dapat belajar oleh sebab umur-nya lebeh dan oleh sebab tidak lulus masok ka-sekolah menengah. Tetapi dalam pada itu saya rasa, kalau tidak silap saya, kalau silap saya minta di-betulkan ia-itu Sekolah Lanjutan Kampong ini chuma di-khaskan dua tahun sahaja. Saya dapat tahu sunggoh pun kita sudah luluskan dasar ini tetapi saya dapat satu rayuan daripada orang ramai di-daerah saya meminta saya merayu kepada Kerajaan supaya

di-tambah lagi sa-tahun. Jadi, dengan tiga tahun ini saya rasa murid² yang masok ka-Sekolah Lanjutan Kampong ini berpeluang-lah mereka itu mengambil peperiksaan pergi ka-sekolah menengah. Sebab apa, selepas tiga tahun barangkali umur-nya akan sama dan barangkali mereka boleh memasoki balek sekolah kebangsaan. Kerana di-dalam peperiksaan, Tuan Yang di-Pertua, kita belum tahu lagi ada-kah murid² itu bodoh dengan satu peperiksaan sahaja. Saya rasa oleh sebab kita tidak ada tempat atau sekolah dan sa-bagai-nya jadi kita terpaksa ke-luarkan budak² itu. Saya berharap di-beri peluang balek mereka itu yang masok dalam sekolah lanjutan tadi di-benarkan masok peperiksaan untuk sekolah menengah jika umur-nya cukup. Saya perchaya anak² murid kita yang tidak lulus ini oleh kerana tekun-nya dia dan sedar-nya dia tidak lulus, dia akan bekerja kuat dan boleh mereka masok balek sekolah menengah itu. Oleh sebab saya katakan begitu banyak pembesar² atau penganjor² dalam dunia pada mula-nya tidak-lah mempunyai kelayakan yang tinggi tetapi kemudian-nya dia boleh meningkat tinggi dengan sebab kerja kuat kerana dia tidak lulus waktu dia di-bawah lagi.

Sekarang saya berjangkit ka-Sub-head 51 Grants for Religious Instruction in Assisted Primary, Post Primary and Secondary Schools. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan pandangan bila mengadakan guru² untuk mengajar agama di-sekolah², saya berharap guru² ini hendak-lah mendapat kebenaran terus daripada Majlis Ugama daripada tiap² negeri. Sebab, saya takut; kita sudah banyak terbacha dalam surat² khabar bermacham² fahaman, ada persatuan saperti Tarikat Sufiah dan sa-bagai-nya yang akan memecahkan kita orang² Islam. Jadi, saya ingat guru² ini biar-lah di-luluskan oleh Majlis Ugama di-tiap² negeri sa-belum dia jadi guru dan masok mengajar untuk sekolah² agama yang di-chadangkan oleh Kerajaan, kita takut perpechahan di-antara kita. Jadi, apa yang mesti

kita buat, apa yang di-luluskan oleh negeri itu, itu sahaja kita harapkan boleh memimpin anak² kita pada masa hadapan.

Di-muka 103 Sub-head 88 Scholarships. Saya hendak berchakap berkenaan dengan scholarship bagi anak Melayu yang dapat scholarship ini. Saya harap mendapat perhatian dari Kementerian ini ia-itu satu kesulitan yang di-hadapi oleh anak² Melayu kita yang mengambil bahagian Science. Dalam Science ini terpaksa-lah murid² kita ini membeli buku² yang mahal². Saya perchaya ibu-bapa mereka itu tidak boleh atau tidak mampu untuk membeli buku² ini. Bayaran scholarship pada masa ini tidak mencukupi untuk mesarikan mereka itu untuk membeli buku² ini. Jadi, saya berharap kepada Kementerian ini dapat di-timbangkan ia-itu murid² yang mengambil bahagian Science ini di-lebihkan bayaran scholarship-nya untuk membolehkan mereka ini membeli buku² yang mahal itu.

Bagitu juga berkenaan dengan University Tanah Melayu, sa-bagaimana chadangan semalam oleh Yang Berhormat dari Larut Utara ia-itu meminta supaya Kerajaan menimbangkan memberi peruntokan yang khas kepada anak² Melayu oleh sebab kekurangan sangat anak² Melayu kita masuk dalam University. Jadi, di-sini saya minta-lah quota itu hendak-lah di-tambahkan oleh sebab anak² kita ini tidak dapat bertanding dengan anak² orang lain oleh sebab orang² lain itu ibu-bapa-nya mampu kerana ada wang untuk memberi didekan kepada anak² mereka itu lebeh tinggi dalam pelajaran. Tetapi oleh sebab orang kita miskin maka tidak-lah berupaya memberi pelajaran anak²-nya. Dengan chara ini nanti banyak yang akan lulus dalam Post-School Certificate yang membolehkan mereka itu masuk University. Jadi, saya perchaya banyak anak² Melayu boleh masuk belajar dalam bahagian University Tanah Melayu.

Penyudah-nya sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah berchakap berkena'an dengan ucapan Yang

Berhormat wakil dari Telok Anson. Saya tidak berasa puas hati kalau saya tidak berchakap di-atas hal ini. Saya memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat tadi kalau dia memikirkan panas, sa-bagaimana dahulu, dia sa-belah Parti Perikatan dia terpaksa mengambil tindakan untuk beraleh ka-tempat yang sejok, maka dunia kita ini luas, terima kaseh.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek (Dungun): Tuan Pengerusi, di-dalam soal ini saya juga menguchapkan satinggi² terima kaseh kerana bertambah-nya belanjawan di-dalam Kementerian Pelajaran pada tahun ini. Sebab dengan jalan bertambah ini-lah maka akan banyak memberikan tambahan kemajuan bagi anak² kita. Saya suka mengambil peluang di-muka 99, Tuan Pengerusi, dalam soal Further Education, peruntokan sa-banyak \$20,000 di-sini saya suka memberi perhatian terhadap guru² sementara dalam negeri ini. Tuan Pengerusi, banyak di-antara anak² muda kita ini di-ambil sa-bagai guru² buat sementara dan apabila datang masa-nya mereka itu akan di-berhentikan dan mereka terpaksa berhenti dengan bagitu sahaja, sa-bagaimana pada masa yang sudah² di-sini juga di-adakan peruntokan untuk office boy belajar malam untuk menambah ilmu pengetahuan pemuda² kita. Saya berharap kepada Kementerian Pelajaran ini supaya di-masokkan di-dalam Sub-head ini ia-itu memberi mereka belajar sementara mereka itu di-dalam jawatan-nya ia-itu di-berikan peruntokan untuk mereka menambahkan pengetahuan-nya sa-hingga boleh menjadi sa-bagai guru² yang tetap. Kerana mereka itu ada mempunyai kebolehan untuk menjadi guru dan mereka tidak-lah berharap² dengan gaji \$90 atau \$100 sahaja kerana di-antara mereka² itu sudah kahwin dan mempunyai anak-pinak. Sa-sudah beberapa lama mereka bekerja sa-bagai guru kemudian mereka di-berhentikan dan tidak mendapat apa² jawatan lagi. Jadi, dengan chara melanjutkan atau memberi pelajaran sa-bagai yang di-berikan

kapada office boy itu akan memberikan kesempatan kapada mereka untuk menambahkan ilmu pengetahuan sehingga mereka dapat memajukan diri-nya dan juga menchari pekerjaan yang lain sa-kira-nya mereka di-berhentikan. Saya harap usaha² ini dapat di-laksanakan kerana saya berasa sangat dukachita terhadap nasib guru² sementara itu dan pula boleh di-katakan 100% guru² itu daripada bangsa Melayu. Saya sa-bagai sa-orang ibu dari bangsa Melayu merasa sangat sedeh dan dukachita dalam soal ini sebab itu saya merayu pehak Kementerian supaya adakan-lah dan beri-lah mereka peluang dalam Further Education atau teachers training ini.

Tuan Pengerusi, sa-sudah itu saya masok kapada muka 102, Sub-head 58 ia-itu Part-time Teachers of Language, Science and Domestic Science yang di-adakan peruntokan sa-banyak \$941,000. Saya suka mengambil perhatian dalam soal Domestic Science ini, Tuan Pengerusi, saya nampak memang-lah Kerajaan terpaksa mengadakan peruntokan dalam soal Domestic Science ini, tetapi peruntokan ini saya berpendirian sa-akan² hanya melepaskan batok di-tangga sahaja. Sebab saya sa-bagai sa-orang wanita saya merasa yang sa-harus-nya hendak-lah Kerajaan kita mengadakan pelajaran Domestic Science ini di-sekolah² rendah. Tetapi saya melihat di-dalam peruntokan pada tahun ini belum juga ada lagi sekolah² yang mengadakan pelajaran² yang saya katakan itu. Sa-benar-nya di-dalam Meshuarat Budget tahun 1959 telah pun saya kemukakan soal ini di-Dewan yang bertuah ini, tetapi belum mendapat apa² perhatian lagi, pada tahun 1960 lagi sa-kali saya kemukakan, yang ada berubah sedikit, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendak mengadakan Sekolah Lanjutan Kampong bagi anak² perempuan. Alhamdu lillah ada berganjak sedikit. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya maseh belum merasa puas hati lagi sebab saya berpendapat sa-bagai saya sendiri sudah mengalami, saya belajar di-dalam Sekolah Menengah hingga

ka-Sekolah Tinggi dan saya sendiri sa-bagai guru dalam Sekolah Menengah yang mempunyai pengalaman bagaimana keperluan-nya Sekolah Pelajaran Rumah Tangga bagi anak² perempuan kita. Tuan Pengerusi, kalau sa-kira-nya tempoh hari saya mengemukakan dalam Dewan ini saya mendapat jawapan dengan di-adakan Sekolah Lanjutan Kampong dan baharu² ini saya telah beruchap dalam Kementerian Kewangan ia-itu saya mengemukakan kerana hendak membanyakkan kemajuan² ia-itu pelajaran dalam anak² perempuan kita, kalau-lah Sekolah Rumah Tangga tidak ada juga tidak apa-lah asalkan di-banyakkan Taman Asohan RIDA di-seluruh Tanah Melayu ini, ia-itu di-tiap² negeri hendak-lah adakan sa-buah. Kerana tempoh hari saya mendapat jawapan bahawa Taman Asohan RIDA akan di-banyakkan dan telah di-adakan di-Melaka dan di-sabelah utara sana ia-itu di-Seberang Prai kalau saya tidak silap. Akan tetapi saya mendapat jawapan pula daripada pehak Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar, kata beliau ini tidak perlu lagi kerana ada ranchangan di-tiap² negeri, chuma di-tiap² kampong Sekolah Dewasa itu mengambil satu mata pelajaran dalam soal Pelajaran Rumah Tangga.

Mr. Chairman: Itu tidak masok dalam Kementerian Pelajaran, itu masok dalam Kementerian Luar Bandar. Tolong jangan champorgaulkan.

Che' Khadijah: Yang sa-benar-nya, Tuan Pengerusi, untok menyimpulkan chakap saya. Tuan Pengerusi, saya harap directive daripada Tuan Yang di-Pertua, jangan ada orang Ho! Ho! di-belakang sana. (*Ketawa*).

Mr. Chairman: Saya minta, jangan-lah sa-siapa kata Ho! Ho! (*Ketawa*).

Che' Khadijah: Tuan Pengerusi, berharap-lah saya kapada Kementerian Pelajaran ini supaya tidak hanya di-adakan Part-time Teachers of Language sahaja, tetapi saya berharap

supaya di-adakan juga Part-time Teachers of Domestic Science. Ini supaya jangan lagi wanita kita yang hendak masuk dalam Domestic Science itu di-kirim di-Australia atau di-England sana. Soal Pelajaran Domestic Science ini ada-lah memajukan anak² perempuan kita menjadi ibu yang terdidik dan mempunyai pengalaman untuk di-dalam Rumah Tangga dan dapat hidup dengan jimat chermat, kerana ini semua-nya dapat di-pelajari dalam itu Sekolah Rumah Tangga. Jadi saya berharap-lah kepada Kerajaan kita yang betul² hendak memajukan ra'ayat kita dalam negeri ini maka majukan-lah kaum ibu itu kerana maju kaum, maju wanita bererti maju negeri ini, kalau lemah wanita maka negeri ini akan lemah dan ini sudah dapat di-buktikan dalam Persekutuan Tanah Melayu.

Sa-bagai memberi pandangan atau permintaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pontian Selatan, saya menyokong beliau itu dalam soal Taman Kanak². Ini juga dalam Anggaran Belanjawan tahun 1959 telah kami rayu dalam Dewan ini, tetapi nampak-nya belum ada jawapan saya. Kelemahan anak² Melayu dalam sekolah² ternyata betul pada tahun ini ia-itu sangat sedikit yang maju dalam ujian untuk masuk sekolah menengah. Ini saya rasa ada-lah satu sebab kalau sakira-nya mereka yang masuk di-sekolah kebangsaan itu daripada anak² saudara kita bangsa asing, mereka masukkan anak² mereka itu dari sekolah Taman Kanak² empat lima tahun. Anak² itu sudah chergas, mempunyai pengetahuan yang chergas, tetapi anak² kita orang² Melayu belum pernah mempelajari a, b, c, atau satu dua terus berchampur dalam klas itu tentu-lah anak² kita ketinggalan. Jadi keperluan kalau dari darjah satu anak² kita sudah lemah berlawanan dengan anak² ini yang chergas, kerana ia sudah mengetahui tentang pelajaran itu dari darjah satu hingga ka-darjah atas. Oleh sebab itu saya menguatkan ia-itu permintaan daripada wakil Pontian Selatan itu supaya di-ambil perhatian oleh

Kementerian Pelajaran bagi mengadakan sekolah Taman Kanak².

Soal gaji guru² wanita, saya juga menyokong kuat sebab saya kalau untuk urusan wanita saya sangat² menyokong-nya (*Ketawa*). Tetapi saya merasa sayang saudara saya dari pehak Ahli Yang Berhormat sa-belah sana itu masa ada chadangan hak wanita untuk kaum ibu dalam negeri ini maka saudara Ahli Yang Berhormat pada masa itu tidak menyokong pehak pembangkang, kalau hendak di-sokong terus hari ini sama ia-itu gaji guru² perempuan dengan laki² dan juga apa sahaja baik kerani mahu pun jururawat bersama² dengan kaum bapa di-mana² sahaja dalam dunia ini maka saya memberi sokongan yang kuat, tetapi itu-lah sedikit terkhalap daripada saudara Yang Berhormat itu (*Ketawa*).

Muka 103, Sub-head 86—Bulan Bahasa Kebangsaan. Di-sini tiap² kali mengadakan bulan bahasa memang sudah di-adakan ia-itu sa-bagai permintaan² dan di-adakan ranchangan² supaya tiap² negeri dari tiap² Kerajaan Negeri masing² di-perentahkan supaya sign board dan segala²-nya di-buat dalam bahasa kebangsaan, tetapi saya telah berjalan di-beberapa tempat maseh ada saya dapati umpama-nya licence yang di-keluarkan oleh Kerajaan sendiri ia-itu plate yang di-buat oleh Kerajaan di-tulis di-atas dengan tulisan China, yang kedua dengan tulisan India dan di-bawah-nya sa-kali di-tulis dengan tulisan Jawi. Jadi ini pun saya berharap kalau-lah betul bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan yang utama dalam negeri ini maka hendak-lah di-balekkan itu di-atas sa-kali huruf Jawi dan boleh-lah yang lain² itu di-bawah. Ini juga barangkali khilap ma'alum-lah tidak boleh semua itu dengan sa-rentak dan ada ketinggalan lagi dan yang maseh tinggal lagi itu supaya mendapat perhatian.

Muka 101, Sub-head 50 (7) Grants to School Hostels. Dalam soal ini saya minta-lah supaya pehak Kementerian ini mengambil perhatian di-kawasan saya Dungun sana. Tempoh hari saya

juga sudah merayu kalau dapat-lah dari pihak Kerajaan mengadakan satu hostel bagi murid² Dungun sana kerana di-sana ada sekolah kebangsaan yang berbahasa Inggeris yang murid²-nya boleh di-katakan sa-bahagian besar datang dari kampung² yang jauh dari Dungun, dari anak² pegawai yang bekerja di-Bukit Besi dan dari anak² orang kampung yang beruntong masok terpilih ka-Special Malay Class, mithal-nya Jerangau mereka itu terpaksa pergi naik sampan pergi ka-Dungun. Jadi perkara ini saya berharap pihak Kementerian yang berkenaan ia-itu dari peruntokan wang yang sa-banyak satu million ringgit ini supaya dapat di-buat satu hostel bagi anak² sekolah Dungun sana, dan jikalau sa-kira-nya di-sini dalam soal Grants to Sekolah² Lanjutan Kampong harus barangkali permintaan saya Sekolah Rumah Tangga dalam peruntokan ini tidak ada dalam tahun ini, mungkin tahun 1963 akan di-ambil perhatian tetapi saya minta Sekolah Lanjutan Kampong bagi anak² perempuan di-banyakan dan di-laksanakan di-tiap² negeri supaya dapat-lah murid² perempuan itu masok dalam Sekolah² Lanjutan Kampong.

Datin Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Pengerusi, berchakap dalam perkara peruntokan pelajaran ini saya juga bersama² pada mengalu²kan peruntokan yang besar ini dan saya hendak berchakap pada Head 15, muka 101, Item (51) dan Item (77) muka 103. Tuan Pengerusi, saya berasa bangga kerana Kerajaan telah menguntokan wang sa-banyak 5 juta ringgit kerana pelajaran² ugama di-sekolah² Kerajaan, dan Item (77) ada di-untokan juga sa-banyak \$530,000 kerana bantuan² sekolah² ugama ra'ayat. Bagaimana kita sekalian ketahui ia-itu ugama Islam ugama resmi negeri ini bagaimana Item 12 (2) Perlembagaan kita ada menyatakan ia-itu Kerajaan boleh memberi bantuan dan belanja bagi pelajaran², sekolah² dan bangunan kerana ugama Islam. Peruntokan yang telah saya sebutkan ini termasuk peruntokan bagi Kolej Islam Klang, ini ada-lah

menunjokkan dengan terang dan nyata hasrat dan ka-azaman Kerajaan Perikatan hendak meninggikan taraf dan kemuliaan ugama resmi dan juga melaksanakan kehendak Perlembagaan. Perbelanjaan yang bagini besar ada-lah memberi keuntongan dan rahmat kepada anak² Islam negeri ini. Oleh kerana yang demikian dapat-lah didekan yang sempurna dalam jasmani dan rohani.

Kanak² yang ada didekan yang sempurna dalam ugama ada-lah menguntongkan masharakat dan sa-terus-nya negara. Kerana mereka itu kelak tidak-lah mudah di-pengarohi oleh ugama yang sesat dan faham kominis, sebab kita tahu ugama Islam berdasarkan kepada keperchayaan kepada Tuhan, dan kominis berdasarkan kepada kebendaan dalam dunia sahaja.

Tuan Pengerusi, sambil itu saya suka mengingatkan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dengan sebab murid² perempuan Islam ada lebeh kurang sama banyak dengan murid² lelaki, saya bimbang kelak ada kekurangan guru ugama perempuan yang berkelayakan mengajar di-sekolah², terutama guru bagi Sekolah Menengah, kerana mereka itu ada-lah di-kehendaki kelulusan yang tinggi seperti kelulusan Kolej Islam, di-Klang itu. Saya berharap juga Kerajaan dapat mengadakan kolej atau pun pusat latehan bagi guru ugama perempuan supaya di-tinggikan darjah dan chara² mengajar. Pendek-nya, Tuan Pengerusi, kemudahan² yang di-beri kepada guru sekolah kebangsaan hendak-lah di-sediakan dan di-beri kepada guru ugama juga.

Sambil itu, Tuan Pengerusi, dalam perbahathan Belanjawan tiap² tahun saya ada-lah juga berkali² menyuarakan berkenaan dengan supaya Kerajaan menimbangkan, dan baharu² ini juga dalam perbahathan peruntokan ini saya telah kemukakan supaya Kerajaan menyegerakan pada menimbangkan berkenaan dengan bayaran gaji guru perempuan itu supaya di-samakan, dan juga berkenaan dengan kaum

perempuan yang sama jenis kerja itu patut sama bayaran gaji-nya.

Saya nafikan wakil Dungun yang mengatakan pehak kami silap. Yang sa-benar-nya, tidak silap. Kami memperjuangkan hendak sama bayaran gaji itu ia-lah kapada kaum perempuan yang boleh memegang kerja² yang sama dengan kaum laki². Kerana apa kami tidak menyokong masa di-adakan chadangan yang di-bawa itu? Kerana chadangan itu supaya semua kaum ibu di-beri kerja sama dengan laki² dan sama gaji. Pada kaum ibu kita orang Islam selalu mengikut hukum shara', kerana kita kaum ibu tidak boleh menjadi Imam dan jadi Kadhi. Jikalau di-luluskan tentu-lah termasuk kerja² ini atau jawatan ini boleh di-pegang dan di-kuasa² kaum perempuan, terima kasih.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani (Pasir Mas Hulu): Tuan Pengerusi, saya sukachita menyatakan di-sini ia-itu pada tahun ini telah pun di-peruntokkan wang bagi pelajaran ini lebeh daripada \$34 juta daripada peruntokan tahun yang lalu. Dengan peruntokan yang lebeh ini ibu-bapa berharap dapat-lah anak² mereka belajar dengan sa-penoh-nya, dan tiap² anak kita dapat belajar di-sekolah². Tetapi, Tuan Pengerusi, mengikut surat khabar *Berita Harian* hari ini, ia-itu murid² Sekolah Menengah bantah tindakan Guru Besar, berkumpul di-pejabat Menteri Besar Trengganu. Di-sini, Tuan Pengerusi, nampak-lah kurang tempat di-Sekolah Menengah. Sa-ramai 45 orang penuntut di-Sekolah Menengah Bariah Pasir Panjang Kuala Trengganu, terpaksa di-suruh pulang oleh pehak Guru Besar-nya, kerana tidak ada tempat. Walhal mereka itu telah mendapat kelulusan (C) Sijil Rendah Persekutuan, dan di-antara 30 daripada mereka itu telah berkumpul hendak mengadu hal kapada Menteri Besar Trengganu. Bagini-lah keadaan yang telah berlaku di-Kuala Trengganu, dan begitu juga-lah banyak dari tempat lain murid² sekolah yang telah mendapat kelulusan (C) yang umur-nya maseh rendah, tetapi tidak

dapat melanjutkan pelajaran-nya, sebab tidak ada tempat.

Sa-perkara lagi, Tuan Pengerusi, di-Sekolah Ibrahim, Pasir Mas, di-dapati hanya 25 peratus sahaja murid² yang lulus darjah VI dan yang lulus L.C.E. 30 peratus sahaja, dan mereka yang tidak lulus itu ada di-antara-nya umur-nya maseh rendah, tetapi tidak mendapat tempat hendak melanjutkan pelajaran. Maka keloh kesah-lah ibu-bapa mereka itu untok hendak menghantar anak² mereka ka-luar dari Pasir Mas atau luar dari Kelantan untok melanjutkan pelajaran anak² mereka itu. Dan juga saya berasa bimbang oleh sebab rendah sangat bilangan murid² yang lulus di-Sekolah Ibrahim itu. Satu daripada tidak puas hati ibu-bapa di-sana ia-lah guru² selalu bertukar, dan guru² itu ada-lah guru² sementara, selalu di-tukar ka-sana ka-sini, dan harus-lah guru² itu tidak dapat memberi tumpuan pelajaran sa-penoh-nya kapada murid² itu.

Sekarang saya hendak berchakap tentang Grants to School Hostels. Tuan Pengerusi, masa'alah anak Melayu pada hari ini kalau di-bandingkan dengan anak² bangsa asing jauh ketinggalan anak² Melayu dalam soal pelajaran. Sebab ibu-bapa-nya tidak ada kemampuan dan tidak dapat mendidek anak² mereka dengan sa-penoh di-rumah mereka sendiri. Masa'alah ini kita dapat atasi kalau pehak Kerajaan dapat menambah banyak lagi bilangan hostel² di-dirikan supaya anak Melayu kita dapat duduk di-hostel dan dapat menumpukan pelajaran dengan sunggoh-nya, dan dapat mereka itu berlumba² dalam soal pelajaran. Kerana saya sendiri telah merasa bagaimana anak² saudara saya sendiri yang ibu-bapa-nya tidak dapat memberi tumpuan atau didekan penoh dalam pelajaran kapada anak² mereka itu. Lazim-nya anak² Melayu kita apa-bila sampai ka-darjah 6-7 maka mereka pun mulai lemah dalam pelajaran mereka. Maka oleh sebab itu-lah saya mengehorkan kapada Kementerian Pelajaran supaya hostel² di-perbanyakkan lagi bagi fa'edah anak² Melayu kita supaya

dapat memperbaiki pelajaran dan didekan dengan sempurna.

Dalam Sub-head 50 Item (8) Grants to Sekolah² Lanjutan Kampong, sungoh pun ada di-antara Ahli Yang Berhormat telah berchakap dalam perkara ini, saya suka hendak menambah sedikit ia-itu banyak di-antara anak² kita yang tidak lulus atau tidak dapat melanjutkan pelajaran-nya tidak ada tempat bagi mereka itu hendak belajar apa² melainkan masuk ka-dalam Sekolah Lanjutan Kampong. Maka saya berharap pehak Kementerian ini dapat menambahkan sekolah² ini lagi kerana pada hari ini kita nampak banyak anak² Melayu kita yang tidak dapat melanjutkan pelajaran-nya. Maka dengan memasukkan anak² kita itu ka-Sekolah Lanjutan Kampong ini dapat-lah mereka menambah ilmu untuk mereka hidup di-masa yang akan datang. Dan ilmu yang di-pelajari itu patut-lah ilmu yang boleh memberi fa'edah yang besar kepada anak² kita sebab apabila mereka telah tamat daripada sekolah itu dapat-lah mereka menggunakan ilmu² yang di-pelajari itu untuk menchari kehidupan dan berdiri di-atas kaki mereka sendiri.

Di-muka 102—Malayan Students Department, London. Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, saya dapat tahu daripada penuntut² yang telah balek daripada United Kingdom mereka itu telah merungut kerana sa-masa mereka tinggal di-Malaya Hall ia-itu dalam sa-minggu sa-kali biasa-nya di-hidangkan daging kerbau pendek untuk students yang bukan Islam. Yang mendukachitakan ia-lah daging itu ada-lah di-masak dalam tempat² memasak bagi students Islam kita. Maka ini ada-lah menyalahi hukum Islam. Perkara ini ada-lah perkara yang besar, walhal telah banyak Ahli² Yang Berhormat telah berchakap di-atas ugama Islam ugama rasmi dalam negeri ini tetapi perkara yang samacham ini tidak-lah patut berlakunya dalam Malaya Hall. Biar-lah kita menjaga kesuchian Islam dan kesuchian pelajar² Islam supaya sa-imbang

dengan kita ugama Islam ugama rasmi dalam negeri ini.

Di-muka 103 Sub-head 88—Scholarships. Daripada biasiswa ini saya berharap oleh kerana negeri kita ini hendak menuju ka-arrah kemajuan maka patut-lah di-lebuhkan biasiswa² dalam lapangan kejuruteraan di-negeri ini. Kerana kita sekarang sangat kekurangan kejuruteraan dan kita maseh bergantung kepada pegawai² dagang. Maka saya berharap kepada Kementerian ini dapat memberi perhatian dalam hal ini.

Dalam muka 104 Item (94) University of Malaya. Sa-bagaimana yang pernah di-nyatakan oleh pehak Ahli Yang Berhormat daripada Larut Utara dan wakil dari Temerloh ia-itu di-atas kekurangan penuntut² Melayu di-University of Malaya. Maka di-sini telah menimbulkan kedukachitaan kepada bangsa Melayu sebab dalam keadaan kemajuan yang berjalan pada hari ini nampak-nya kita tidak akan dapat bertanding dengan anak² bangsa asing. Sungoh pun pehak Ahli Yang Berhormat daripada Larut Utara mengatakan ia-itu supaya di-adakan quota ia-itu quota untuk anak² Melayu masuk ka-University of Malaya. Saya tidak-lah begitu bersetuju dengan shor-nya itu kerana dalam soal quota—kalau anak² Melayu tidak dapat mengisi-nya harus yang kosong itu di-penuhi oleh anak² bangsa asing pula. Tetapi apa yang saya nampak ia-itu pehak Kementerian melebihi bilangan biasiswa kepada anak² Melayu kita. Maka dengan memberikan kelebihan berpeluang-lah anak² Melayu dapat masuk ka-University of Malaya dengan bilangan yang banyak sedikit. Kerana pada hari ini, Tuan Pengerusi, ibu-bapa orang Melayu ada-lah kebanyakan-nya miskin dan tidak mampu menanggung perbelanjaan anak²-nya dalam melanjutkan pelajaran. Bukan hanya perbelanjaan memasoki di-University hatta perbelanjaan untuk anak² belajar di-sekolah² menengah dan rendah pun ada di-antara ibu-bapa tidak berupaya. Maka perkara bagi melebihi biasiswa² untuk anak²

Melayu ini ada-lah satu perkara yang penting yang patut di-timbangkan oleh pihak Kementerian kerana bukan-lah anak² Melayu ini ketinggalan dalam pelajaran atau ta' pandai dan ada di-antara ibu-bapa yang miskin mempunyai anak yang otaknya geliga tetapi tidak ada mempunyai kemampuan. Dengan dilebihkan bilangan biasiswa ini maka dapat-lah kita mengatasi kerumitan² yang di-rasai oleh bangsa sendiri, sekian-lah, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'aid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang telah di-buat dalam perbelanjaan bagi Kementerian Pelajaran ini. Saya ada-lah mengucapkan sa-tinggi² tahniat kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran serta penasihat²-nya yang telah dengan kebijaksanaan-nya membuat peruntukan berasas kepada Undang² Pelajaran yang telah kita putuskan meliputi ka-semua-nya. Berkenaan dengan kegunaan dasar pelajaran yang baharu di-buat ini saya berharap kepada Kementerian ini supaya tiap² sen yang akan di-belanjakan itu mesti-lah di-awasi dengan sa-penoh-nya supaya dapat kesan daripada perbelanjaan itu. Jangan-lah di-belanjakan dengan tidak mendapat kesan-nya yang penoh.

Mengenai muka 101 Sub-head 50 Item (5) Grants to Primary Schools peruntukan-nya sa-banyak \$124,736,632 termasuk-lah sekolah² rendah dan sekolah² jenis kebangsaan yang telah menerima bantuan penoh. Saya bagi pihak Penguasa dan Jema'ah Pengurus Sekolah² China di-daerah saya, mengucapkan terima kasih kepada Kementerian yang telah menerima permohonan mereka itu.

Di-muka 99 Sub-head 15 Maintenance of Fully Assisted Schools peruntukan-nya sa-banyak \$4,600,000. Jadi, sa-tahu saya perkara maintenance ini termasuk pembayaran ayer dan saya dapati pada mula-nya di-utukkan kepada sekolah² yang ada dalam bandar sahaja. Saya harap-lah sekolah² di-luar bandar pun mendapat perhatian daripada pihak² penguasa

negeri² supaya sekolah² itu dapat layanan yang sama dengan sekolah² di-dalam bandar. Kerana perkara ini saya dapati di-sekolah² di-luar bandar itu kurang mendapat layanan yang baik seperti tandas²-nya kekurangan ayer dan juga membaiki bangunan.

Jadi, saya berharap-lah dapat perhatian kepada pihak Kementerian ini memberi layanan kepada mereka itu. Berkenaan dengan muka 88 Sub-head 8, ia-itu Jabatan Federal Inspectorate. Saya hendak mendapat penjelasan yang lebih lanjut daripada Yang Berhormat Menteri semenjak ada-nya jabatan itu ada-kah kesan² yang berguna yang dapat kita terima dengan membayarkan wang dengan mengadakan peruntukan sa-banyak \$655,529; yang saya tahu semenjak di-adakan jabatan ini mengikut keputusan Pepereksaan masuk Sekolah Menengah daripada tahun 1960-1961 tidak ada apa² perubahan yang lebih. Jadi, saya percaya-lah jika hendak memberi kesan yang penoh lagi atau lebih baik lagi hendak-lah memberi tugas kepada pegawai² ini untuk memberi kursus kepada Jema'ah Pengurus Sekolah² itu, oleh kerana persekolakan tidak lagi tanggungjawab Lembaga Pelajaran Negeri. Kerana saya dapat tahu bahawa sa-tengah daripada orang² yang di-lantek menjadi Jema'ah Pengurus Sekolah itu orang yang tidak mengerti langsung berkenaan dengan hal pentadbiran sekolah. Ini-lah yang patut di-utamakan kerana orang² ini-lah yang akan membawa kemajuan dalam perjalanan sekolah² itu.

Satu perkara lagi yang saya ingin mendapat penjelasan mengenai Sub-head 21 ia-itu peruntukan elaun Student Training Centre dan juga saya minta penjelasan berkenaan dengan Sub-head 22, peruntukan Daily Rated Staff sa-banyak \$290,000 dan Sub-head 53 Daily Rated Staff lagi \$59,392. Sub-head 58 mengenai Part-time Teachers Training Languages, peruntukan baharu \$941,000.

Satu perkara lagi saya ingin berchakap di-sini mengenai kelemahan

murid² dalam sekolah; mengikut keputusan peperiksaan sangat² tidak memuaskan hati. Jadi, di-sini kita telah banyak mendengar fikiran² yang telah di-kemukakan oleh beberapa orang dan ada satu Jawatan-Kuasa telah di-bentuk untuk menyiasat kelemahan² ini. Akan tetapi yang saya dapati satu perkara yang tidak di-siasat dan tidak di-ambil perhatian ia-lah mengenai guru² yang berkhidmat di-sekolah² itu. Kebiasaan-nya tiap² pegawai Kerajaan mesti-lah berkhidmat sa-lama 8 jam mengikut dasar bagi pekerjaan buroh. Tetapi guru² berkhidmat dalam sa-minggu sa-lama 25 jam. Kerani² berkhidmat sa-lama 45 jam, jadi di-kehendakkan sa-lain daripada 5 jam berkhidmat di-sekolah, ada 3 jam lagi pada tiap² hari berkhidmat untuk mengawasi permainan, pengakap, pemandu dan lain² permainan sukan dan di-kehendaki mereka membuat persediaan dan menyemak buku², memeriksa kerja² yang telah di-beri kepada murid² itu membuat di-rumah. Guru² ini hendak-lah berkhidmat sa-imbang dengan gaji-nya yang mereka perolehi. Ini-lah satu perkara yang sangat mustahak di-kaji sa-halus²-nya. Saya harap Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian yang berat supaya tenaga guru² yang di-churahkan itu dapat sa-imbang dengan gaji yang di-beri kepada mereka itu. Dengan ini saya perchaya murid² itu mesti-lah mendapat kemajuan yang lebeh lagi pada masa hadapan.

Sekarang saya suka berchakap atas muka 103 Sub-head 80, peruntokan untuk Std. IV, jadi saya dukachita menyatakan di-sini tidak ada peruntokan untuk pengakap atau pemandu anak serigala. Ini ada-lah satu pasokan atau satu pergerakan yang sangat mustahak bagi anak² kita waktu dalam sekolah kerana ajaran dalam ilmu pengakap atau pemandu anak serigala ini ada-lah menjadikan murid² itu satu orang yang ta'atkan perintah orang tua², ta'at kepada guru, ta'at kepada negeri dan juga sedia berkhidmat untuk kepentingan musharakat dan negara. Banyak lagi ajaran yang membolehkan mereka itu

menjadi sa-orang yang sempurna dalam penghidupan-nya. Di-sini saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri mengadakan peruntokan supaya mendapatkan uniform tiap² sekolah kerana kalau tidak ada tentu-lah susah bagi guru² yang chenderong hendak mengadakan pergerakan² ini dan segala²-nya terpaksa di-minta kanak² itu mengeluarkan wang untuk membeli uniform itu. Kalau Kerajaan boleh mengadakan peruntokan untuk memberi uniform ada-lah memberi kesenangan kepada kanak² itu dan juga kepada ibu-bapa-nya.

Berkenaan dengan Sub-head 51, ia-itu peruntokan bagi guru² Ugama. Saya dapati pada tahun ini banyak peruntokan ia-itu 5 million ringgit, saya berharap bagaimana saya telah minta kepada Yang Berhormat dahulu ia-itu di-adakan satu tangga gaji yang sama rata bagi semua negeri². Kerana tanggung-jawab bagi memilih guru² itu ada-lah tanggung-jawab bagi tiap² negeri. Saya berharap Kementerian ini dapat membuat satu dasar supaya dapat di-ikuti oleh semua negeri dengan tangga gaji yang sama dan perkhidmatan yang sama dan juga chara mengadakan nazir guru² tiap² daerah itu sama dan tangga gaji bagi guru² Sekolah Menengah dalam jenis Kebangsaan dan Sekolah² Kebangsaan dan lain². Jadi, ini sangat-lah mustahak, kalau tidak di-adakan chara bagini maka tentu-lah satu² negeri itu menerima guru² dengan memberi gaji yang berlainan. Ini menunjukkan atau menimbulkan satu perasaan yang tidak puas hati dan dengki di-antara satu dengan lain. Dengan ini saya berharap-lah kepada Kementerian ini membuat satu dasar yang tegas.

Lagi satu perkara yang saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat ia-lah mengenai pengambilan ahli atau pegawai² yang hendak berkhidmat dalam jabatan Kerajaan. Sa-bagaimana yang kita tahu surat² permohonan itu ia-itu yang di-Gazette di-kehendaki satu daripada sharat²-nya ia-lah credit in English. Jadi masa-nya sudah tiba ta' patut lagi di-buboh

credit in English, patut-lah di-tukarkan credit in Malay dalam standard sembilan atau pun peperiksaan School Certificate. Saya harap mendapat perhatian dari pehak yang berkenaan mengenai syarat² kelayakan yang di-kehendaki dalam jawatan Kerajaan.

Mr. Speaker: I have to suspend the meeting. The meeting is suspended for 15 minutes.

Sitting suspended at 11.10 a.m.

Sitting resumed at 11.30 a.m.

(Deputy Speaker in the Chair)

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Deputy Speaker in the Chair)

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dalam hal Kementerian Pelajaran ini. Saya menguchapkan terima kasih di-atas kenyataan Menteri Pelajaran pada mengemukakan perbelanjaan ini ia-itu tentang akan di-adakan mulai bagi tahun ini sekolah² perchuma bagi sekolah² rendah di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Bila kita menyebutkan perkataan sekolah² rendah di-Persekutuan Tanah Melayu maka kita nampak di-sini ia-itu di-dalam muka 101, Sub-head 50, Item (5) Grants to Primary Schools yang kita nampak pembahagian atau peruntukan kapada-nya sa-banyak \$124,736,632 yang akan di-berikan kapada sekolah² rendah.

Tuan Pengerusi, bila kita menengok kapada pelajaran perchuma sekolah² rendah pada tahun ini maka ta'arif-nya tentu-lah terbagi kapada sekolah rendah yang di-punyai atau di-anjorkan oleh Kerajaan—sekolah Melayu yang di-sebut sekolah kebangsaan. Bila sekolah ini telah di-berikan perchuma maka terbit-lah di-antara sekolah² itu persaingan di-antara sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan dengan sekolah² yang lain. Persaingan menurut erti bahawa

tidak-lah payah kapada ibu-bapa memasokkan anak-nya ka-sekolah jenis kebangsaan atau ka-sekolah Inggeris oleh kerana dengan memasokkan anak-nya ka-sekolah Inggeris itu dia tidak memikirkan lagi tentang pembayaran² sekolah. Bila dia memikirkan di-antara sekolah² Inggeris mana-kah yang patut anak-nya masok maka terserah-lah kapada dia di-mana yang dia hendak memasokkan anak-nya. Maka dia memandang jauh bagi nasib anak-nya di-belakang hari. Kalau hendak di-masokkan ka-sekolah kebangsaan ini, sa-tinggi²-nya sekolah kebangsaan ini sampai darjah VI, kemudian masok pula peperiksaan sekolah menengah, bila sampai sekolah menengah, Tuan Pengerusi, kita dapati peperiksaan mereka itu amat-lah mendukachitakan. Dan oleh kerana anak² kita itu sudah begitu rendah di-dalam peperiksaan untuk memasoki sekolah menengah maka timbul-lah satu fikiran baharu bagi ibu-bapa bahawa tidak ada fa'edah-nya dia hendak menghantar anak²-nya ka-sekolah rendah kebangsaan. Dia akan menchuba memasokkan anak-nya ka-sekolah jenis kebangsaan.

Ini-lah, saya katakan, Tuan Pengerusi, ibu-bapa dalam soal anak²-nya menghadapi satu perjudian hidup di-masa yang akan datang. Maksud saya dalam perjudian ini ia-itu bila anak-nya sampai ka-sekolah, apa-kah akan jadi kapada anak ini yang akan di-fikirkan oleh ibu-bapa, ini akan mendapat pertimbangan. Maka pada pendapat saya di-dalam persaimbangan ini maka taktik yang baharu ia-itu darjah persekolahan di-antara sekolah rendah ini hendak-lah di-samakan. Taraf anak² di-sekolah rendah baik apa juga jenis-nya dapat di-samakan maksud saya dapat di-samakan kelulusan yang di-perolehi di-sekolah jenis kebangsaan. Dan kelulusan di-dapati daripada sekolah kebangsaan mendapat layanan yang sama daripada Kerajaan.

Sebab saya katakan begitu, Tuan Pengerusi, baharu² ini ada satu ikhtiar hendak menambah pasokan Polis di-

Raja dan meminta-lah kepada pemuda² kita masok menjadi Polis di-Raja itu. Kemudian di-dalam pepereksaan kelayakan untuk memasoki-nya di-bagi-lah pasokan², ini sekolah Inggeris darjah sekian, ini sekolah Melayu darjah sekian. Diambil dahulu murid² di-sekolah jenis kebangsaan dan tinggal-lah murid² yang lulus di-sekolah kebangsaan. Jadi, sa-lama perbedzaan ini berlaku maka selama-nya-lah penghargaan Kerajaan terhadap kelulusan anak² kita itu ada perbedzaan maka sa-lama itu-lah ibu-bapa ragu² di-dalam menghantar anak-nya sekolah, kechuali dengan chara terpaksa menghantar anak-nya ka-sekolah kebangsaan itu oleh kerana kekurangan² di-dalam hidup-nya dan soal² ikonomi yang menekan-nya. Maka mereka itu berfikir ia-itu daripada anak saya ini tidak tahu membacha dan menulis lebeh baik-lah di-hantar juga di-sekolah ma'ana-nya melepaskan batok di-tangga.

Maka satu masa'alah yang besar yang akan di-hadapi oleh Kementerian Pelajaran ketika hendak mengamalkan pelajaran perchuma di-sekolah hendak-lah dia menginsafi bahawa jumlah murid² atau anak² kita yang bersekolah lebeh banyak di-kampung², di-daerah² luar bandar. Kalau tidak dapat kita membawa mereka itu kepada satu chara hidup yang baharu sa-sudah mereka lepas daripada sekolah maka saya khuatir benar bahawa anak kita akan menjadi manusia² yang ta' akan berguna, dan kalau pun berguna hanya di-sekeliling kampung mereka itu sahaja.

Tuan Pengerusi, berchakap perkara yang saya sebutkan tadi, ia-itu Primary School yang membimbangkan ibu-bapa, maka saya suka menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan pegawai²-nya supaya mengamati² akan sebab-musabbab kenapa anak² kita banyak yang tidak lulus dalam pepereksaan masok ka-Sekolah Menengah? Tuan Yang di-Pertua, sa-belum kita dapat membacha satu, penyata sebab-musabbab ke-

jatohan anak² kita itu maka di-dalam Dewan ini saya sendiri tidak-lah dapat hendak menyatakan sebab yang sa-benar-nya menyebabkan kejatohan itu. Siapa-kah yang bertanggung-jawab diatas kelemahan pelajaran anak² kita. Guru²-kah, Lembaga Sekolah-kah atau dasar pelajaran-kah, belum kita dapat lagi menengok Penyata yang di-buat oleh Jawatan-Kuasa Penyelidik Kelemahan Pelajaran anak kita itu belum lagi di-kemukakan dan di-bentangkan? Rasa saya terlalu awal kita hendak menyentuh sa-suatu pehak di-dalam sebab kelemahan² ini, tetapi dapat di-agak boleh jadi sebab-musabbab itu ada kepada Pengurus² Sekolah. Ini bukan-lah saya hendak menudoh, sebab mereka ada-lah manusia biasa. Sebab² saya katakan begitu kerana tadi Yang Berhormat sahabat saya dari Seberang Utara telah menyebutkan bahawa pada tahun ini kita akan chuba melaksanakan dasar pelajaran dengan memberikan kemerdekaan yang penoh kepada Lembaga Pengurus untuk mentadbirkan Sekolah² itu. Berma'ana terserah-lah kepada Lembaga Pengurus maju atau mundor-nya, tinggi rendah-nya murid² sekolah itu. Tetapi malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, sebab Lembaga Pengurus ini terutama di-kawasan luar bandar ada-lah mereka² itu tidak lebeh kelulusan-nya daripada anak² yang sekolah itu. Satinggi²-nya dia sekolah ia-lah darjah 5, ia-itu sa-belum perang dahulu. Oleh kerana mereka ini mempunyai pengaruh yang besar dalam kampung itu dan chakap-nya orang dengar pula, lalu mereka di-angkat jadi Lembaga Pengurus. Apabila kita serahkan sekolah² ini kepada mereka, alang-kah sedeh-nya di-berikan suatu tanggongjawab kepada suatu badan yang tidak tahu apa benda yang hendak di-buat-nya sa-bagai Lembaga Pengurus. Pernah terjadi perselisihan faham di-antara guru² dengan Lembaga Pengurus. Baharu² ini kita terbacha dalam surat khabar guru² itu keluar dari majlis meshuarat Lembaga Pengurus itu kerana pertelagahan faham di-antara guru dengan Lembaga

Pengurus. Pada hal menurut apa yang kita mahu guru² hendak-lah sa-iringan sa-bahu dengan Lembaga Pengurus bagi menjayakan sekolah itu. Jadi, ada-kah kelemahan murid² ini di-sebabkan oleh tidak tahu-nya Lembaga Pengurus itu kepada tanggong-jawab-nya. Ini ada-lah satu masa'alah yang sa-harus-nya di-pecahkan oleh Kementerian Pelajaran. Kalau benar bahawa kesalahan itu sa-banyak sedikit ada terlibat Lembaga Pengurus di-dalam-nya maka penting sa-kali Kementerian Pelajaran mengadakan suatu chara yang khas kepada Lembaga Pengurus itu supaya di-adakan satu seminar atau suatu kursus untuk memberikan tanggong-jawab kepada mereka itu. Sebab kita sekarang ini hendak meniru chara orang Eropah ia-itu menyerahkan kepada Lembaga Pengurus, pada hal Lembaga Pengurus itu tidak tahu apa benda yang hendak di-jalankan-nya, kata orang Arab, "Nantikan-lah masa-nya akan hanchor." Ini di-sebabkan kekurangan pengetahuan, oleh itu ada-lah menjadi tanggong-jawab yang besar kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya mengadakan per-untukan khas untuk membelanjai mereka² yang menjadi Lembaga Pengurus itu supaya mengetahui tanggong-jawab-nya. Sebab pada faham saya bila Lembaga Pengurus itu berkuasa nanti gaji guru² itu pun mesti di-serahkan kepada Lembaga Pengurus itu, kalau tidak tahu menyimpan kira² maka akan hanchor-lah pentadbiran sekolah rendah itu. Yang kedua-nya, Tuan Pengerusi mustahak-lah di-adakan satu kursus Lembaga Pengurus di-luar bandar supaya jangan-lah mereka itu menchari kesalahan kepada guru² itu sahaja. Sebab Lembaga Pengurus ini kalau mereka sudah berkuasa, mereka menchari kesalahan guru² itu sahaja kerana ada kampung yang fanatic terhadap ugama, guru pakai necktie pun tidak boleh, pakai seluar pendek pun tidak boleh, tidak pakai songkok pun tidak boleh. Ini suatu sebab yang membolehkan Lembaga Pengurus itu menghalau guru² itu keluar daripada sekolah itu. Tuan Pengerusi, ini bukan-lah satu tuduhan, tetapi mungkin akan berlaku. Saya

dahulu, Tuan Pengerusi, pernah menjadi guru di-sekolah kampung ini pakai seluar panjang pun tidak boleh, haram kata-nya, itu Lembaga Pengurus, kalau hendak pakai seluar panjang sila-lah berhenti, maka terkorban-lah sekolah itu dan guru² yang mengajar di-situ, yang kedua-nya anak² kita yang sedang belajar itu. Jadi, Tuan Pengerusi, ini-lah Yang Berhormat Menteri patut mengambil perhatian yang berat, jangan-lah hendak menyalahkan guru² itu sahaja, kerana banyak orang memikirkan bila kejatohan pelajaran murid² itu di-salahkan kepada guru² sahaja, guru itu tidak betul. Bagaimana guru² itu hendak mengajar murid² itu, sekarang dasar pelajaran di-minta dengan kemerdekaan-nya sendiri memilih menerima Unified Scheme maka mereka ada-lah mempunyai kegiatan untuk menukar kedudukan dia daripada gaji rendah kepada gaji tinggi dengan kemahiran dan kepintaran dia sendiri. Baik-lah, Tuan Pengerusi, saya tidak akan membuat sa-barang komen berkenaan dengan Unified Scheme ini, tetapi dengan menerima-nya oleh guru² muda itu maka terpaksa-lah menanggung dua tanggong-jawab. Yang pertama tanggong-jawab mengajar murid dan yang kedua melayakkan diri-nya supaya mereka dapat bertambah gaji-nya. Sa-belum dia keluar kolej dapat \$160 dan dia mahu dapat \$265 dengan chara melayakkan diri-nya maka bertemu-lah dua kepentingan, pertama kepentingan mengajar murid-nya supaya murid² itu pandai, dan kedua kepentingan melayakkan diri-nya supaya chara hidup-nya bertambah. Tuan Pengerusi, manakala berjumpa dua kepentingan salah satu mesti tinggal atau dikurangkan tanggong-jawab-nya di-antara salah satu. Kalau dua kepentingan itu bertemu, Tuan Pengerusi, bagi saya sendiri akan mengutamakan kepentingan saya, bila saya mengutamakan kepentingan saya maka tanggong-jawab saya di-sekolah akan kurang. Bila saya kurangkan maka murid² saya pandai engkaulah, engkau rajin engkau-lah lulus, engkau malas pandai engkau-lah. Jadi, ada-kah ini menjadi sebab pula

kejatoan murid² kita di-sekolah rendah itu? Ini hendak-lah di-kaji. Ada-kah ini menjadi satu daripada sebab-nya pula? Saya ucapkan tahniah kepada guru² sekolah Kebangsaan oleh kerana mereka kebanyakan-nya tidak mahu menerima dasar Unified Scheme ini, kerana mereka sudah tahu bahawa mereka terpaksa menanggung dua tanggung-jawab yang berat, dan kalau mereka menerima maka terpaksa-lah mereka mengutamakan kepentingan diri-nya sendiri. Jadi suka-lah saya menarek perhatian Menteri Yang Berhormat kepada dua masa'alah ini supaya di-selideki. Ketiga ada-kah kesalahan ini oleh sebab kelemahan ibu-bapa dalam menyusun dan mengarahkan anak-nya ka-sekolah. Sa-belum saya katakan tentang Penyata Jawatan-Kuasa Mengkaji Kelemahan Anak² Melayu itu di-keluarkan, ada-lah terlalu awal menyebutkan siapa yang bersalah, tetapi sa-benar-nya sa-banyak sedikit ada terlibat di-dalam-nya kelemahan anak² kita oleh kerana inilah yang menyebabkan anak² kita itu di-hantar ka-sekolah, mithal-nya, sa-buah sekolah di-kampung saya Tapah Road, Perak, yang hendak masuk ka-sekolah menengah sa-orang sahaja yang dapat terpilih. Sa-orang sahaja yang hendak di-hantar sama ada ka-Sekolah Tuanku Abdul Rahman atau Sekolah Dato' Razak atau di-mana² di-antara berpuluh² murid² itu. Sudah-lah yang sa-orang itu, dia ta' dapat pergi oleh sebab ibu-bapa-nya miskin. Sa-orang yang telah lulus hendak masuk sekolah menengah di-mana ia minta scholarship—wallahu alam—bagaimana scholarship yang kita adakan di-sini dalam muka 110 ada-kah murid yang seperti ini mendapat keutamaan dalam persekolahan.

Berthabit dengan kalimah scholarship banyak-lah sudah kawan² saya Yang Berhormat berchakap berkenaan dengan scholarship, maka saya harap scholarship ini hendak-lah Kementerian ini menengok dan memberi kepada orang yang sa-benar-nya tidak mampu betul. Kadang² saya hairan sebab yang mendapat scholarship ini orang yang bergaji, dua ratus ringgit ka-

atas—ada—bukan semua oleh kerana ia pandai koyok sedikit maka dapat-lah dia, dan orang kampung ta' tahu bagaimana hendak meminta scholarship. Jadi oleh sebab itu kalau Lembaga Pengurus ini bijak dapat tahu betul² mengetahui tanggung-jawab-nya maka soal ini dapat di-atasi. Satu perkara yang mustahak yang hendak di-ajar kepada Lembaga Pengurus ini ia-lah Dasar Pelajaran Razak tahun 1956, dan Dasar Pelajaran Razak itu hendak-lah di-hafal yang baik, yang burok, kaedah-nya mestilah ia tahu dan begitu juga Penyata Rahman Talib.

Baharu² ini saya terbacha dalam surat khabar *Utusan Melayu*, sa-orang pensharah D.T.C. di-Raub telah membuat satu cheramah di-Sitiawan mengatakan yang dia sendiri ta' erti apa tujuan Penyata Rahman Talib itu: dia ta' tahu apa-kah tujuannya—"Hendak jadikan sekolah kebangsaan ini menggunakan bahasa kebangsaan saya ta' erti, kalau hendak menyambong pelajaran anak² kita ka-sekolah Inggeris di-luar negeri. Jadi ia sendiri pun ta' erti. Kalau sa-orang pensharah Maktab Harian ta' tahu hikmat atau rahsia tujuan daripada Penyata Rahman Talib ini apa lagi kepada Jumaah Pengurus yang ta' tahu langsung dengan tulisan rumi. Itu-lah puncha-nya di-ajar kepada Jumaah Pengurus.

Ketiga chara undang² pelajaran yang kita luluskan dalam tahun 1961 baharu² ini. Itu-lah yang mesti mereka tahu undang² ini bagaimana ma'ana-nya terpaksa-lah Kementerian ini menyediakan satu peruntokan khas kepada Jumaah² Pengurus dalam masa'alah mentadbirkan sekolah. Satu lagi yang hendak saya chakapkan ia-lah berkenaan dengan guru². Guru² muda di-sekolah² kebangsaan. Ia di-hantar chara macham mana, ada-kah melalui Jumaah Pengurus atau melalui Jabatan Pelajaran Negeri atau melalui siapa? Maka yang mana chergas di-sekolah² itu diambil dan di-hantar ka-Maktab Bahasa. Masa ia di-hantar ka-Maktab Bahasa ia-lah dalam chuti penggal.

Dalam chuti penggal itu ia ambil kursus beberapa minggu lama-nya. Dalam masa satu tahun maka lulus-lah ia sa-bagai sa-orang yang mempunyai kelayakan dalam bahasa. Bila ia sudah ada kelayakan sijil atau diploma umpama-nya, maka ia akan mendapat gaji \$265 lebih sa-bulan. Guru itu guru yang sudah berkelayakan. Sa-patut-nya guru yang berkelayakan saperti itu ia di-tempatkan kembali ka-sekolah yang ia di-ambil, mithal-nya, ia di-ambil daripada sekolah kebangsaan, bila ia sampai ka-Maktab Bahasa ia lulus di-hantar balek ka-situ supaya anak² kita Melayu di-sekolah² rendah dapat mempelajari bahasa Melayu yang betul², sebab ada anak² kita bangsa Melayu yang ta' lulus dalam bahasa kebangsaan—bukan mudah bahasa kebangsaan ini, tetapi bila guru yang saperti itu sudah lulus Maktab Bahasa maka ia di-hantar ka-sekolah jenis kebangsaan, saperti sekolah Inggeris, China dan lain². Jadi rugi-lah anak² kita dan yang tinggal di-sekolah kebangsaan itu guru² yang tua. Orang tua ta' berdaya hendak pergi atau hendak menerima Unified Scheme ini maka dudok-lah ia di-situ. Pagi²: "Selamat pagi Che'gu—dudok-lah". Kalau bagini-lah chara-nya bagaimana anak² kita hendak maju, hendak lulus, hendak pandai. Kemudian datang guru² daripada kelulusan Maktab Harian atau maktab yang lain di-hantar ka-sekolah kebangsaan ini, sudah-lah guru² itu kalau lelaki boleh-lah dia dudok di-mana² tempat, tetapi kalau guru² perempuan bagaimana. Baharu² ini saya berjumpa tiga orang guru perempuan di-hantar ka-suatu tempat. Di-sekolah itu ta' ada rumah guru. Mereka perempuan—anak dara tiga orang, molek² lagi. Badan-nya maseh segar. Jadi ka-mana mereka hendak pergi. Hendak menumpang rumah guru besar—susah. Hendak menumpang rumah guru bujang—lagi payah. Ka-mana mereka hendak pergi. Ini-lah satu kesulitan yang besar. Jadi akhir-nya kata dia: Saya ta' mahu mengajar. Saya hendak pergi ka-sekolah jenis kebangsaan. Sana ada rumah bagus, sekolah bagus.

Maka ia minta-lah pergi ka-sekolah jenis kebangsaan. Jadi untuk memberi keuntongan kapada anak² kita di-sekolah rendah kebangsaan ini hendak-lah layanan kapada guru² itu di-utamakan, di-sediakan rumah terutama sa-kali guru² perempuan supaya jangan-lah mereka itu lari menumpang. Nanti bila terjadi sa-suatu hal kata orang: ah itu-lah dia, dah salah juga! Tuan Pengerusi, tidak banyak yang saya hendak chakapkan tentang perkara itu.

Satu lagi kelemahan anak² kita, biar-lah saya ambil kelemahan sahaja, ada-kah oleh kerana pentadbiran di-negeri itu tidak betul saperti C.E.O.-nya lemah? Di-Kelantan ada sa-orang C.E.O. dia itu bukan pegawai dagang, tetapi dia berasal dari luar negeri menjadi ra'ayat Persekutuan. Saya dukachita benar, Tuan Pengerusi, menengokkan C.E.O. di-Kelantan itu. Dukachita saya katakan bagini: Waktu Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar melawat negeri Kelantan, dia itu bersama melawat tempat saya. Bila sampai di-situ saya telah mengemukakan kapada-nya satu sekolah yang runtoh. Bila Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri bertanya apa awak sudah buat? Dia kata tidak ada peruntukan pada tahun ini. Bila hendak buat? Nanti dahulu, kata-nya. Apabila sampai ka-Machang, begitu juga jawab-nya. Apabila sampai ka-Pasir Puteh, begitu juga jawab-nya, sehingga Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, marah C.E.O. itu di-hadapan Jawatan-Kuasa Kemajuan Luar Bandar, kerana kelemahan dia dalam mentadbirkan persekolahan itu. Jadi, Tuan Pengerusi, saya minta dalam kemajuan anak kita di-luar bandar, sekolah itu bukan chukup dengan hanya Jema'ah persekolahan itu. Jadi, Tuan Pengerusi, saya minta dalam kemajuan juga dengan pimpinan C.E.O. yang bijak. Tetapi kalau dia ashek dengan kepentingan diri-nya sendiri sahaja dengan tidak mengutamakan kepentingan anak di-kampung, saya rasa pegawai yang macham itu, elok-lah kita ganti dan kita tukar dengan

orang yang lebih merasa penting-nya pelajaran itu kepada anak kita.

Tuan Pengerusi, berchakap berkenaan dengan guru agama, saya menyokong fahaman yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Jitra-Padang Terap yang mengatakan pelajaran agama ini penting dan mustahak untuk menentang faham komunis, dan untuk menyatukan menjadi manusia yang berguna. Saya menyokong fahaman-nya itu dengan hati saya sendiri. Dalam melaksanakan ini, kita ada di-sini peruntukan Muslim College sa-banyak \$174,000. Di-Kolej Islam ini, Tuan Pengerusi, saya minta perhatian supaya di-adakan satu tempat khas bagi wanita kita yang belajar di-situ, dan di-adakan juga guru khas kepada wanita kita itu, tidak seperti sekarang ini mereka macam "nasi tambah" sahaja pergi menumpang dalam kelas itu 2 orang dan di-kelas ini 3-4 orang. Jadi kalau macam itu bila masa-nya kita akan dapat mempunyai guru yang berkelayakan tinggi untuk mengajar di-Sekolah Menengah, pada hal Kementerian Pelajaran berkehendakan guru agama mengajar di-Sekolah Menengah dengan syarat kelulusan Kolej Islam. Dan ada masa-nya kita hendak guru² itu terdiri daripada kaum ibu, sebab kaum ibu itu kalau jadi guru lebih baik daripada kaum bapa, terutama dalam soal pelajaran wanita. Jadi kerana itu dalam Kolej Islam itu mustahak-lah Kementerian ini kalau dapat mengadakan satu bangunan khas di-situ, sa-umpama kita mengadakan bangunan Kolej RIDA di-Petaling Jaya ia-itu ada bangunan khas bagi kaum ibu, begitu juga kita hendak bangunan khas di-Muslim College. Guru-nya terdiri daripada guru perempuan yang berkelayakan untuk mengajar murid² itu. Dan bila sudah ada tempat saya rasa tidak-lah di-hadkan berapa jumlah murid² perempuan yang hendak masuk di-kolej itu, dan bila ini sudah banyak baharu-lah kita dapat mengeluarkan guru² yang berkelayakan bagi kelas² yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada ini rakan saya sudah chakapkan berkenaan dengan perkara ini, maka itu-lah sahaja saya menarek perhatian, dan saya ucapkan terima kasih.

Enche' Yahya bin Haji Ahmad (Bagan Datoh): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil sedikit peluang dalam perdebatan mengenai peruntukan wang bagi Kementerian Pelajaran ini yang telah pun dibincangkan dengan hebat-nya sejak dua hari yang lampau. Saya telah menduga terlebih dahulu bahawa serangan yang hebat tetap sa-kali dilancarkan oleh wakil Telok Anson, di-dasarkan serangan-nya terhadap dasar pelajaran Kementerian yang berkenaan telah pun dapat di-dengar oleh kita semua dalam Majlis yang berbahagia ini pada pagi sa-malam. Oleh sebab beliau mengaitkan perkara kemenangan dalam Pilihan Raya Kecil Dewan Ra'ayat, Telok Anson, ia-lah dengan sebab dasar pelajaran yang ada ini. Maka ada baik-nya bagi saya membuat penjelasan dalam Dewan ini untuk pengetahuan Ahli² Yang Berhormat khas-nya dan penduduk bangsa asing yang mendiami Persekutuan Tanah Melayu ini 'amanya. Bahawa kemenangan yang di-perolehi-nya itu ia-lah dengan membulak balekkan kenyataan² yang ada dalam dasar pelajaran itu sendiri, bukan-lah kerana orang China yang ta'at setia kepada negeri ini tidak suka kepada dasar pelajaran ini. Bukti-nya sangat nyata dan terang bahawa berpuluh² sekolah China dalam negeri ini termasuk Sekolah Menengah Sun Min, Telok Anson, dalam kawasan beliau itu sendiri, ia-itu sekolah yang terbesar sa-kali dalam Hilir Perak, telah pun menerima dasar pelajaran ini, dan saya yakin dan percaya tidak lama lagi berpuluh² sekolah lagi akan mengikuti dasar ini. Yang Berhormat dari Telok Anson sekarang ini ada-lah dalam keadaan serba salah, kerana beliau tidak-lah lagi dapat hendak mengelirukan ra'ayat dalam kawasan Telok Anson, sebab sekarang mereka telah menyedari bahawa dasar pelajaran ini adalah menguntungkan ra'ayat khas-nya

orang² China yang mana mereka telah sedar bahawa mata mereka di-abui oleh manusia yang segelintir, manusia yang tidak sedar diri dan tidak bertanggung-jawab.

Saya pernah di-temui oleh sa-tengah² ibu-bapa kanak² sekolah China yang mengatakan rasa kesal hati mereka kerana dasar yang bagini baik telah di-bulak balekan, tetapi sa-balek-nya kata mereka, "Sa-kali-lah si-buta kehilangan tongkat". Tuan Pengerusi, saya perchaya sa-kira-nya Yang Berhormat dari Telok Anson berniat hendak menentang dasar pelajaran ini sa-hingga akhir hayat-nya, nyata-lah perbuatan-nya itu "Sa-bagai sa-orang yang chuba memecahkan batu dengan kepala-nya sendiri".

Tuan Pengerusi, sekarang saya suka hendak berchakap di-atas perkara Dewan Bahasa dan Pustaka sa-bagai-mana yang tersebut dalam Sub-head 83. Saya menguchapkan terima kaseh kapada Kementerian Pelajaran ini yang menambah peruntokan yang di-janjikan itu. Di-atas tambahan ini berma'ana Kementerian ini telah menambah minyak patrol kapada jentera yang akan dapat berjalan dengan lancar-nya sa-lagi tambahan minyak itu dari sa-masa ka-satu masa dapat di-laksanakan. Alham dullillah shukor kita kapada Allah yang mana sekarang Dewan Bahasa telah dapat memberi chabaran-nya pula kapada salah sa-orang Ahli Yang Berhormat yang pernah membuat chabaran kapada-nya dalam Dewan yang mulia ini pada tahun yang lepas. Tidak payah-lah saya sebutkan siapa dia Ahli Yang Berhormat itu, memadai-lah dengan mengatakan "Siapa yang makan lada dia-lah terasa pedas-nya". Saya harap Ahli Yang Berhormat itu akan bersama² kita di-majlis merasmii pembukaan Dewan itu pada akhir bulan ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Textbooks saperti yang tersebut dalam Sub-head 100 saya rasa elok-lah tambah peruntokan itu, kerana kita tahu buku² sangat kurang, dan saya

harap segala buku² ini tidak-lah di-buat sa-bagaimana dalam masa penjajah dahulu, sa-hingga buku² dongeng kerapkali kita dapati, yang mana akibat-nya, rakan saya dalam Majlis ini pernah mencheritakan cherita "Hantu Toyol dan Mambang". Oleh itu saya harap kapada pehak yang bertanggung-jawab dari Kementerian benar² dapat mengeluarkan buku² yang sa-suai dengan keada'an masa.

Sa-perkara lagi berkenaan dengan Sekolah Menengah. Saya suka menarek perhatian Menteri yang berkenaan supaya Sekolah² Menengah dapat di-dirikan di-tiap² tempat yang ramai penduduk²-nya daripada orang² Melayu. Mithal-nya, dalam kawasan saya di-Bagan Datoh, kerana di-sana banyak sekolah² ra'ayat sama ada sekolah² menengah kebangsaan dan sekolah² ugama. Ini-lah sahaja per-chakapan saya kapada Kementerian ini.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): Tuan Pengerusi, saya ada beberapa perkara yang saya hendak sentoh dan tempoh serta rempoh dalam Anggaran Belanjawan Kementerian Pelajaran ini, dan juga ucapan² sa-tengah Ahli² Yang Berhormat yang telah berchakap sa-belum daripada saya bangun ini. Satu perkara yang saya suka hendak sebutkan di-sini ia-lah ucapan Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara yang telah meminta supaya dalam Dewan Bahasa itu di-adakan sa-buah jawatan-kuasa istilah ugama. Saya telah bersusah payah memikirkan apa-kah maksud Yang Berhormat itu dengan menchadangkan atau menuntut supaya di-adakan satu jawatan-kuasa istilah ugama. Kerana mengikut apa yang saya tahu bahawa istilah² dalam ugama, baik istilah itu mengenai ilmu undang² atau ilmu berkenaan dengan ketuhanan, telah di-ator dengan kemas. Jadi tidak payah lagi hendak buat istilah baharu itu, yang saya tidak dapat memahamkan apa-kah tujuan hendak mengadakan jawatan-kuasa istilah ugama dalam Dewan Bahasa itu.

Dan di-sini saya ingin mengajak Dewan ini menyemak semula ucapan yang telah di-berikan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Telok Anson. Ahli Yang Berhormat itu telah mengatakan dalam pembukaan ucapan-nya bahawa Dasar Pelajaran Rahman Talib telah menyempang jauh daripada Dasar Pelajaran Razak. Jadi, di-sini, Tuan Pengerusi, saya tidak berchadang hendak menghilangkan masa Ahli² Yang Berhormat Dewan ini untuk menyemak dan mengkaji semula di-mana-kah persesuaian, persamaan di-antara Dasar Pelajaran Rahman Talib dengan Dasar Pelajaran Razak itu kerana perkara ini telah berulang² kali di-bahathkan dalam dan di-luar Dewan ini. Saya fikir orang² yang mengerti dan faham sahaja yang tahu titik² Persamaan atau Perbezaan di-antara Dasar Pelajaran Rahman Talib dengan Dasar Pelajaran Razak itu. Tetapi ada sa-tengah² orang, yang bukan tidak mengerti, tetapi sengaja tidak mahu mengerti. Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson supaya dia lekas mengerti sa-belum terlambat masa-nya.

Sa-perkara lagi yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam ucapan-nya itu ia-lah berkenaan dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Muda Pelajaran ketika beliau mengemukakan perbelanjaan Kementerian-nya ya'ani berkenaan dengan nasib sekolah² China yang enggan menerima bantuan dan Dasar Pelajaran itu. Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson telah menudoh Yang Berhormat Menteri itu mengecil²kan dan merendah²kan sekolah China yang hendak hidup di-atas kaki-nya sendiri. Tetapi, Tuan Pengerusi, saya telah menyemak balek ucapan Yang Berhormat Menteri itu, saya tidak dapati satu ayat pun dalam ucapan-nya yang boleh di-ambil fahaman yang Kerajaan atau pehak Menteri itu sendiri chuba hendak mengecil²kan sekolah² China yang maseh belum hendak menerima bantuan dan Dasar Pelajaran itu. Apa yang di-sebutkan oleh Menteri Yang Berhormat itu ia-lah sa-mata² hendak menggambarkan masa

hadapan sekolah² itu dengan tidak ada sedikit pun niat hendak mengecil²kan atau hendak merendah²kan sekolah² itu.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, saya hendak menarek perhatian Kerajaan kapada ucapan-nya yang berbau perkauman dalam Dewan ini dan di-luar Dewan ini. Ahli Yang Berhormat daripada Telok Anson telah mengaku dan menda'wa bahawa dia telah di-hantar duduk dalam Dewan ini ia-lah kerana orang² dan pendudok² serta pengundi² di-Telok Anson tidak menerima Dasar Pelajaran yang ada pada hari ini. Sa-benar-nya, Tuan Pengerusi, pendudok² dan pengundi² di-Telok Anson mengundi beliau datang ka-mari dan dapat peluang duduk di-tempat ini telah di-perdayakan oleh diayah² palsu yang memainkan sentiment perkauman. Dalam Dewan ini beliau mengatakan dalam ucapan-nya kelmarin bertanya kapada Dewan ini bahawa tahu-kah kita, kenapa sekolah² ini enggan menerima bantuan yang di-hulorkan oleh Kerajaan. Tahu-kah Dewan ini apa sebab ibu-bapa dan pengelola sekolah² itu sanggup menanggung beban berat untuk memelihara dan menyelenggarakan sekolah² itu dengan tidak menerima bantuan yang begitu murah hati dan banyak yang di-hulorkan oleh Kerajaan kapada mereka itu? Apa-kah jawapan-nya, Tuan Yang di-Pertua, kapada pertanyaan² ini? Kata-nya kerana orang² ini chintakan kapada bahasa dan kebudayaan China. Ini satu ayat, Tuan Yang di-Pertua, yang paling tajam yang tidak boleh di-keluarkan dalam Dewan ini walau pun ia-nya datang dari pehak Kerajaan atau dari Ahli Yang Berhormat itu sendiri, kerana kalau kita diaman ini akan menerbitkan api.....

Enche' Too Joon Hing (Telok Anson): Mr. Chairman, Sir, on a point of clarification. I said that the people love their own cultures, and I think the Honourable Member has been mistaken. I said that everybody, every section of the people, love their own culture. I did not say anything about China. If you read my speech care-

fully, you will see that I have said that every section of the people love their own culture, and it is dear to their heart and soul. The Chinese love their culture, the Malays love their culture and the Indians love their culture. I did not say that loving the culture means loving the country of China.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar:

Tuan Pengerusi, itu-lah apa yang saya katakan ada dalam ucapan-nya itu, ia-itu kata-nya orang² itu enggan menerima bantuan itu ia-lah kerana orang² itu kasehkan kepada culture China dan bahasa China. Itu-lah yang di-katakan-nya dalam ucapan-nya, Tuan Pengerusi. Jadi, kata² yang sampama ini pada pandangan dan anggapan saya ada-lah kata² yang paling jahat, yang paling merbahaya sa-kali. Sebab, Tuan Pengerusi, jahat-nya itu tidak mengenai orang lain tetapi mengenai orang² China yang ada dalam negeri ini sendiri. Ini satu tuduhan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Telok Anson menudoh orang² China yang tidak menghantar anak²-nya ka-sekolah China, orang² ini ada-lah tidak chintakan kebudayaan dan bahasa China. Jadi, orang² China yang menghantarkan anak² mereka kepada sekolah² Inggeris ada-lah orang² jahat dan pengkhiaat bahasa dan kebudayaan China. Ini satu tuduhan yang burok yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson. Saya katakan, Tuan Pengerusi, perkara ini biar-lah kita pulangkan kepada orang² China sendiri dalam negeri ini untuk menimbangkan dan memikirkan pendapat sa-orang yang tidak bertanggungjawab kepada negeri ini dan kepada kaum keturunan darah-nya sendiri. Tuan Yang di-Pertua, saya tinggalkan-lah perkara ini kepada Ahli Yang Berhormat daripada Telok Anson itu untuk membetulkan kaum dan keturunan-nya sendiri.

Saya berbalek kepada Anggaran Perbelanjaan ini ia-itu berkenaan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya di-sini ingin mengambil peluang

mengucapkan sa-tinggi² tahniah dan sa-tinggi² pujian kepada Kementerian ini kerana kejayaan-nya mendirikan sa-buah bangunan yang besar terseregam untuk Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saya mengucapkan tahniah dan pujian yang tinggi kepada Kementerian Pelajaran bukan kerana kejayaan-nya mendirikan sa-buah bangunan yang besar tersesegam, tetapi saya mengucapkan tahniah kerana ma'ana dan erti yang terkandung di-dalam bangunan itu. Bangunan itu kita berharap akan menjadi symbol perpaduan ra'ayat seluroh Tanah Melayu ini. Kita berharap Dewan Bahasa dan Pustaka itu akan menjadi lambang kemegahan orang yang chintakan Tanah Melayu ini. Kita berharap yang Dewan Bahasa ini akan menjadi satu tempat terbit ilham yang akan menyemaikan benih dan bibit kepada penduduk² negeri ini, dengan ini mereka betul² chintakan negeri ini khas-nya orang yang sa-macam Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson itu supaya ia betul² chintakan kebudayaan negeri ini.

Sa-perkara lagi yang saya ingin hendak sebutkan dalam soal yang berkaitan dengan Dewan Bahasa ini ia-lah berkenaan dengan penerbitan buku²-nya. Yang saya tahu bahawa pada hari ini Dewan Bahasa dan Pustaka ada mempunyai satu bahagian untuk menerbitkan Textbook dalam bahasa Melayu, ini tidak shak lagi memang menjadi tujuan Kerajaan untuk hendak melengkapkan Textbook bagi semua peringkat persekolahan dalam negeri ini. Tetapi satu perkara lagi yang patut ada di-dalam Dewan Bahasa dan Pustaka ini ia-lah berkenaan dengan Textbook Sekolah China dan juga Sekolah Tamil dan Inggeris. Pada pandangan saya, Tuan Pengerusi, elok-lah supaya bahagian Textbook Sekolah China, Inggeris dan Tamil ini ada juga dalam Dewan Bahasa kerana kita tidak berkehendakkan buku² yang akan membentok fikiran anak² kita itu di-import dari Hong Kong dan dari London atau dari mana² juga,

Kita mahu supaya buku² itu di-karang oleh orang² kita sendiri, dengan ini dapat-lah menolong membentok jiwa dan membersehhkan perasaan² yang tidak di-ingini itu dan segala buku² itu dapat di-karang oleh orang² dalam negeri ini. Tuan Pengerusi, ini amat mustahak sa-kali kerana sa-tengah² buku yang datang dari luar itu harus mengandongi unsur² yang tidak di-ingini oleh Kerajaan negeri ini. Oleh sebab itu saya minta dan menyeru kapada Kementerian ini supaya mengambil perhatian yang berat mengadakan section Textbook untuk Sekolah China, Inggeris dan Tamil itu.

Enche' Ahmad Boestamam (Setapak): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Head 15 Sub-head 61 ia-itu dalam bahagian Malayan Student Department, London, 61 Administration. Di-bahagian hujong itu ada bertulis Book and Priodical tahun yang sudah \$643 dan tahun ini \$500. Tuan Pengerusi, mengikut fahaman saya Book and Periodical ini tentu-lah bahan² bachaan untuk pelajar² kita yang ada di-London. Saya hairan sa-kali kenapa peruntokan wang untuk bahan² bachaan ini di-kurangkan dari tahun yang sudah. Tahun yang sudah \$643 dan tahun ini cuma \$500 sahaja. Apakah Kementerian Pelajaran mengang-gap pelajar² kita di-London sudah mempunyai bahan² bachaan yang chukup sa-hingga terpaksa di-kurangkan. Tuan Pengerusi, pada saya sekarang ada "report of the commission of enquiry into the position of the Malayan Student Community in the United Kingdom and the Republic of Ireland". Commission of enquiry ini di-ketuai oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Muka 43 dalam report ini bahagian 120, saya bachakan, bagini:

"We also feel that not nearly enough has been done by way of supplying information about home affairs to Malayan students through the written word. The hit-or-miss distribution of the *Straits Budget* and the Information Officer's releases is not enough....."

Di-muka 48 cheraian 133 berbunyi:

"The Malayan Students Department is the channel for distribution of the material produced by the Information Division for the students. We have already commented adversely on the ineffectiveness of the arrangements for the dissemination of information, very little of which has been finding its way to the students, even where there would appear to be no obvious difficulty in its transmission."

Tuan Pengerusi, waktu saya bersama² dengan rombongan CPA di-London, saya telah bertanya kapada para pelajar di-situ berkenaan dengan bahan² bachaan, bahan² yang boleh mereka mengetahui tentang keada'an tanah ayer. Mereka terus menjawab, apa yang dapat mereka baca *Straits Budget*. Malah, Tuan Pengerusi, sa-waktu Ketua Rombongan kami mengadakan satu jamuan ramah tamah dengan pelajar² di-Glasgow ada diantara pelajar² itu yang bertanya adakah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini membenarkan mereka membaca *Daily Worker*. Pertanyaan itu, Tuan Pengerusi, sa-mata² di-kemukakan untuk menyedarkan pehak Menteri itu kapada kurang-nya bahan bachaan para pelajar di-London itu. Sampai mereka minta kebenaran untuk membaca *Daily Worker*. Tuan Yang di-Pertua, kalau tahun sudah di-untokkan \$643 bagi Book and Priodical dan mereka itu mengatakan apa yang dapat di-bacha hanya hit-or-miss *Straits Budget* tetapi saya fikir \$500 tahun ini apa yang dapat mereka baca ia-lah miss-and-miss *Straits Budget*. Ini saya harap pehak Kementerian ini supaya memerhatikan soal ini, dengan ini supaya dapat-lah pelajar² kita di-luar negeri itu dapat benar² bahan² bachaan mengetahui bagaimana keada'an tanah ayer mereka itu sa-lama mereka itu meninggalkan-nya. Mereka tidak boleh mengharapkan kapada surat khabar yang hanya keluar di-London. Kalau surat² khabar di-London itu ada mengeluarkan berita Malaya ini satu sa-bulan sahaja boleh di-buat ubat dan penawar. Surat² khabar itu hanya mementingkan berita di-luar² negeri, oleh itu harap-lah dapat per-timbangan Kementerian ini.

Sekarang saya berpaling kepada Sub-head 86, muka 103 ia-itu berkenaan dengan Bulan Bahasa Kebangsaan. Saya sungguh berbesar hati kerana peruntukan dalam Bulan Bahasa Kebangsaan ini sudah bertambah. Dahulu \$50,000 sekarang \$75,700. Tujuan Bulan Bahasa Kebangsaan ini sa-bagaimana yang dikatakan pada kita ia-lah untuk mengembangkan, untuk menggalakkan ra'ayat negeri ini menggunakan bahasa kebangsaan. Tuan Pengerusi, sa-belum itu kita sudah menjalankan Minggu Bahasa Kebangsaan, kemudian Bulan Bahasa Kebangsaan, lepas itu nanti Tahun Bahasa Kebangsaan. Ta' tahu-lah kita, tetapi kita sudah mendengar rungutan² tentang papan² kenyataan yang menggunakan bahasa Tionghua tetapi apa yang harus ditinjau ia-lah diri kita sendiri. Sa-sudah melalui Minggu Bahasa Kebangsaan. Bulan Bahasa Kebangsaan dan nanti akan di-adakan Tahun Kebangsaan, apa-kah hasil-nya benar² yang sudah kita dapati termasuk pemerintah. Apa-kah sudah ada perubahan yang dapat kita lihat tentang menggalakkan bahasa kebangsaan ini. Saya merasa banyak kekurangan². Saya ta' perchaya sa-sudah menjalani Minggu Bahasa Kebangsaan, Bulan Bahasa Kebangsaan pejabat² pemerintah dalam surat²-nya sampai sekarang ini belum boleh menggunakan bahasa kebangsaan dengan sa-penoh-nya. Saya pernah terbaca dalam surat yang datang dari pejabat Kerajaan yang sudah menjalankan Minggu Bahasa Kebangsaan dan Bulan Bahasa Kebangsaan. Surat itu ada tiga dalam bahasa kebangsaan. Yang pertama sa-kali "Tuan" kemudian bahasa kebangsaan di-bawah sa-kali "Ada-lah saya yang menjalankan perintah—sain". Kalau soal kecil yang demikian ini belum dapat hasil dari Minggu Bahasa Kebangsaan atau Bulan Bahasa Kebangsaan jangankan \$75,700 malah \$75 million pun habis begitu sahaja.

Memang dalam Bulan Bahasa Kebangsaan kita mendengar orang itu orang ini menerima hadiah tetapi habis Minggu Bahasa Kebangsaan masing²

kembali "yes, no, alright". Ini harus di-perhatikan oleh Kementerian ini bagi menggalakkan Minggu Bahasa Kebangsaan atau Bulan Bahasa Kebangsaan, dan jangan hanya memandang keluar menyalahkan papan kenyataan itu, tetapi harus di-salahkan diri sendiri. Saya tidak men-chadangkan supaya undang² menggunakan bahasa kebangsaan, tetapi kalau surat yang hanya menggunakan "Tuan" dan "Saya yang menjalankan perintah" maka Bulan Bahasa Kebangsaan ini menjadi sia² sahaja.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail

(Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun menguchapkan terima kaseh kepada Kementerian Pelajaran yang telah membentangkan Anggaran Perbelanjaan-nya bagi tahun 1962, dan di-samping itu saya ta' hendak berchakap panjang dalam perkara ini, kerana banyak sudah Ahli² Yang Berhormat telah berchakap dalam Dewan ini yang telah menyentoh segala²-nya terutama sa-kali soal pelajaran. Chuma ada satu perkara yang saya hendak sebutkan ia-itu muka 103, Item (88) dan Item (91) berkenaan dengan Scholarships. Dalam perkara ini pun telah banyak Ahli² Yang Berhormat berchakap dalam Dewan ini ada yang mengatakan bahawa kerana kekurangan scholarships atau biasiswa yang mendaratkan beberapa kerumitan bagi penuntut² kita terutama sa-kali dari anak² Melayu yang berchita² tinggi meningkat ka-sekolah tinggi atau ka-university. Tetapi pada pendapat saya atau pun dalam pengalaman saya yang telah pernah saya mendudoki dalam Jawatan-Kuasa Lembaga Pelajaran dalam Majlis Meshuarat Negeri Perlis, saya dapati ada satu perkara yang besar yang telah dialami oleh penuntut² kita yang hendak melayakkan diri-nya mendapat scholarship itu. Umpama-nya, University Malaya hanya akan menerima atau akan mengeluarkan biasiswa kepada penuntut² yang hanya layak mendapat kelayakan masok ka-dalam University Malaya, pada hal kalau kita bandingkan penuntut² itu juga yang ta' dapat masok dalam Univer-

sity Malaya tetapi jikalau ia ada mempunyai wang umpama-nya pergi ka-Australia atau ka-England maka dapat ia masok dalam university² itu. Jadi ini-lah soal-nya yang patut kita fikirkan dan juga Kementerian ini memikirkan bagaimana Kementerian ini memberikan bantuan sa-lain daripada biasiswa kepada penuntut² Melayu yang ta' berjaya dalam University Malaya tetapi berjaya masok dalam university sa-berang laut, kerana saya ketahui banyak anak² Melayu kita yang ta' dapat berjaya dalam University Malaya tetapi dapat masok university sa-berang laut akan tetapi oleh kerana tidak menchukupi wang-nya maka satu kerumitan yang besar menghadapi mereka itu. Saya dapati dalam negeri² yang maju atau negara² yang berkemajuan terutama sa-kali Amerika Sharikat dan lain² negeri sa-lain daripada mengeluarkan scholarship Kerajaan telah menguntokkan wang yang harus mungkin mengadakan pinjaman kepada penuntut² yang berkehendakkan bantuan atau pinjaman supaya dapat mereka itu menyambong pelajaran-nya dalam university. Jadi oleh kerana itu saya merayu kepada pehak Kementerian yang berkenaan sa-muga dapat mengadakan satu item yang baharu ia-itu peruntokan wang kerana pinjaman kepada penuntut² yang berjaya masok ka-dalam university sa-berang laut dan dengan hal tersebut, saya fikir dapat kita memecahkan kesulitan yang di-timpa ka-atas anak² Melayu pada hari ini, umpama-nya di-Amerika di-beri tempoh 10 tahun sa-saorang penuntut itu membayar wang-nya balek dengan fa'edah yang sangat kecil.

Jadi negeri yang maju sa-macam itu dapat mengatasi kesulitan dalam soal memberi pelajaran tinggi kepada pemuda²-nya. Maka saya fikir tentu-lah tidak menjadi kesusahan kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengadakan peruntokan wang untuk memberi pertolongan kepada anak Melayu. Oleh itu, saya merayu dan meminta kepada Kementerian memikirkan di-atas perkara yang tersebut.

Dan berbalek saya kepada University Malaya, tentu-lah kita sama² berasa bangga kerana pada tahun ini beberapa perubahan telah di-perolehi dalam University Malaya, dan beberapa banyak kolej yang telah menjadi sa-bahagian kepada University saperti Kolej Tanaman, yang mana Persekutuan Tanah Melayu pada hari ini sangat berkehendakkan pemuda-nya cherdek dan pandai yang akan menjalankan tugas-nya dalam sa-buah negara yang merdeka. Di-samping itu saya juga tidak lupa memberi tahniah kepada penuntut University Malaya yang telah menganjorkan beberapa perkara kebajikan dan begitu juga mereka pergi dalam kampung kerana membuat tauladan dan chontoh. Saya perchaya jika mahasiswa University dapat mengadakan chontoh yang tersebut akan memberi satu tauladan pula kepada penuntut Sekolah² Menengah dan Rendah mengikut jejak langkah itu. Dengan hal yang demikian, ada-lah menjadi satu harapan yang besar bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka berkehendakkan pemuda-nya sa-benar²-nya menjadi harapan bangsa.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, sa-belum saya membutuhkan satu per-satu perkara yang saya hendak chakapkan di-sini, maka suka-lah saya hendak menyentuh sedikit ucapan yang telah di-sentuh oleh Yang Berhormat dari Johor Tenggara—bekas Menteri Muda kita. Beliau telah menyentuh ucapan sahabat saya dari Kuala Trengganu Utara berkenaan dengan satu chadangan atau pun satu permintaan supaya di-adakan di-Dewan Bahasa itu satu jawatan-kuasa istilah bahagian agama. Yang Berhormat itu dengan sengaja menyatakan yang beliau tidak faham apa maksud-nya itu.....

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar Johor Tenggara): Tidak faham sunggoh.

Enche' Mohamed Asri: tetapi apa yang di-chakap-nya tadi ia-lah beliau tidak begitu faham dan tidak

bagitu mengerti apa-kah tujuan yang sa-benar-nya di-adakan sa-buah jawatan-kuasa istilah bahagian ugama itu. Saya tidak-lah menduga sampai bagitu sa-kali bebal-nya beliau atas perkara yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat itu.

Mr. Chairman: Kalimah “bebal” itu unparliamentary.

Enche' Mohamed Asri: Saya tarek balek bagitu-lah, tidak tahu-nya maksud mengadakan jawatan-kuasa istilah itu. Tuan Pengerusi, kemustahakan yang di-kemukakan oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara tentang maksud mengadakan jawatan-kuasa istilah bahagian ugama ini nyata. Kalau benar Yang Berhormat itu dan sahabat² saya yang lain faham maka tidak-lah menimbulkan apa² ulasan atau pun apa² pandangan, dan semua-nya tentu bersetuju. Memang, Tuan Pengerusi, soal istilah ugama dalam negeri ini maseh belum ada ketetapan dan ketentuan yang tertentu dalam beberapa perkara yang mustahak. Mithal-nya, dalam bab ibadat seperti mengambil ayer sembahyang dan membatalkan ayer sembahyang. Ada kitab ugama menulis satu daripadanya mengatakan “bertemu dua khatan”. Perkataan “bertemu dua khatan” ini di-dalam kitab ugama yang lain tidak di-gunakan. Kebanyakan murid² kita pun tidak mengerti ma'ana “bertemu dua khatan” itu. Ada kitab ugama yang lain mengatakan “bertemu dua kemaluan”, sa-hingga dalam pepereksaan ugama bagi penuntut di-Sekolah Menengah kalimah yang di-maksudkan “bertemu dua khatan” itu selalu di-tulis dengan kalimah² yang lebeh nyata dan lebeh terang, sa-hingga mengetawakan sa-siapa sahaja yang membacha jawapan itu. Jadi ini tentu-lah mustahak bagi Dewan Bahasa menentukan istilah apa yang patut di-gunakan dalam menentukan maksud “bertemu dua khatan” itu kepada satu perkataan istilah yang apabila di-bacha oleh orang tidak-lah bagitu sangat memanaskan telinga kita dan tidak-lah bagitu memalukan kita.

Tuan Syed Ja'afar bin Hassan Albar: Dia sejok, dia tidak panas.

Enche' Mohamed Asri: Dan demikian juga dalam soal mengambil ayer sembahyang. Ada kitab ugama mengatakan mengambil wudhu, ada kitab ugama mengatakan mengambil ayer sembahyang. Yang mana satu hendak di-gunakan dengan rasmi sa-bagai kata istilah dalam bahagian ugama ini? Demikian juga dalam soal sembahyang, di-Indonesia sembahyang itu di-sebut shalat, sedang di-Tanah Melayu di-sebut sembahyang. Dan ini pun perlu juga mendapat kajian yang tertentu bagi jawatan-kuasa istilah ugama. Ada mithalan² yang lain lagi, Tuan Pengerusi, kalau hendak di-sebutkan pun rasa-nya tidak sedap, tetapi oleh kerana Yang Berhormat dari Johor Tenggara nampak-nya tidak mahu mengerti, itu-lah kalimah seperti—saya minta ma'af, Tuan Pengerusi—kalimah “ber-setuboh” atau pun “jima” dalam bahasa Arab-nya. Belum ada satu istilah yang betul. Sa-hinggakan ada jawapan daripada murid² Sekolah Menengah dalam bahagian ugama di-tulis-nya dengan perkataan yang tidak payah saya sebutkan—perkataan-nya terlalu terang—menyebabkan guru yang memereksa-nya itu pun pening kepala. Jawapan-nya betul, tetapi terang sangat. Tuan Pengerusi, demikian juga dalam soal tauhid yang maseh banyak lagi dalam negeri ini menggunakan Sifat 20—Wujud, Kidam, Baka' dan Mukhalafah—tuhuta'alalilhawadith—tidak ada satu istilah baharu bagi bahasa kita sendiri untuk menggantikan kalimah itu mithal-nya, jika perlu di-buat. Maka ini semua perlu dan mustahak ada-nya satu jawatan-kuasa istilah. Dan dalam bahagian istinja' ada guru ugama mengatakan bersuchi, ada guru ugama mengatakan membersehan. Mana satu hendak di-gunakan supaya di-selaraskan penggunaan istilah dalam bahasa Melayu tentang kata² dalam bahagian pengajaran ugama ini? Saya rasa chukup-lah sa-takat itu, Yang Berhormat dari Johor Tenggara sekarang boleh faham agak-nya.

Tuan Pengerusi, saya suka menyen-
toh sedikit tentang peruntukan wang
kapada Kolej Islam, yang sa-pendapat
antara saya dengan Yang Berhormat
dari Jitra-Padang Terap tentang bagaima-
mana mustahak-nya Kolej Islam di-
beri bantuan. Dan tidak ada siapa pun
dalam Dewan ini yang tidak akan
sukachita apakala melihat bahawa
pemberian dalam tahun ini bertambah
daripada \$143,500 pada tahun yang
lalu, tahun ini menjadi \$174,892.
Tetapi, chuba-lah perhatikan elok²
tentang penjelasan di-hujung-nya itu.
Yang sa-benar-nya, daripada \$174,892
itu Kolej Islam hanya mendapat
\$60,000 baki-nya \$114,892 ia-lah di-
beri kapada Department of Islamic
Studies, dalam butir besar-nya kapada
Kolej Islam. Kalau melihat kapada
butir penjelasan-nya yang di-dapati
oleh Kolej Islam hanya \$60,000 maka
kecil balek-lah kegembiraan kita
tadi.

Tuan Pengerusi, alang-kah baik-
nya kalau pehak Kementerian ini
dapat menimbangkan sa-mula tentang
soal pembahagian kewangan ini.
Peruntukan kapada Jabatan Pen-
gajian Ugama Islam itu memang
mustahak, akan tetapi perbandingan
yang bagini jauh, peruntukan yang
di-beri kapada Jabatan Pengajian
Ugama Islam (Department of Islamic
Studies) dengan pemberian kapada
Kolej Islam, Klang, terlalu jauh beza-
nya. Ini boleh mengechiwakan harap-
an sa-bahagian besar umat Islam
dalam negeri ini. Satu daripada sebab
kechiwaan itu, Tuan Pengerusi, sa-
bagaimana yang di-harap²kan oleh
sa-bahagian besar Ahli² Yang Ber-
hormat, bukan sahaja di-sabelah sini
bahkan di-sabelah sana menghendaki
Kolej Islam itu di-besarkan dan
menghendaki kesungguhan Kerajaan
membantu-nya, kerana melihatkan
bagaimana kurang-nya orang yang
berkelayakan untuk menjadi guru
ugama di-Sekolah Menengah. Di-
Johor mithal-nya, sa-bagaimana
yang di-nyatakan oleh sahabat saya
Yang Berhormat dari Muar Utara
mengatakan 50 orang guru ugama
untuk Sekolah Menengah di-kehen-
daki, hanya 11 orang sahaja yang

dapat. Ini terang² menunjukkan ke-
kurangan guru, dan yang dapat
menampung kekurangan itu ia-lah
Kolej Islam, dan terpaksa-lah kolej ini
mesti di-utamakan. Penuntut² yang
dapat pengajaran Ugama Islam di-
University Malaya di-bawah Jabatan
Pengajian Ugama Islam tidak-lah
bagitu dapat di-harapkan sangat
untuk memegang jawatan sa-bagai
guru ugama Sekolah Menengah, sebab
lapangan-nya ada-lah lapangan yang
lebeh jauh dari itu lagi. Jadi sa-patut-
nya-lah pemberian kapada Kolej Islam
ini mesti-lah di-lebeuhkan dari sa-
tahun ka-satahun. Saya tidak tahu,
Tuan Pengerusi, ada-kah pada tahun
1961 peruntukan \$143,500 itu semua-
nya kapada Kolej Islam, tetapi saya
yakini memang sa-bahagian kecil
sahaja daripada peruntukan ini yang
di-dapati oleh Kolej Islam, dan
sa-bahagian besar-nya di-dapati oleh
Jabatan Pengajian Ugama Islam di-
University Malaya.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi,
saya bersetuju sangat dengan sahabat
saya dari Muar Utara tentang
chadangan-nya guru² yang mengajar
kapada murid² di-sekolah itu
lebeh baik-lah mengajar pendidekan
akhlak—budi bahasa dan pendidekan²
rukun hidup rumah tangga supaya ia
itu akan menjamin ra'ayat di-masa yang
akan datang menjadi ra'ayat yang
sempurna dalam hidup-nya. Menjadi
ra'ayat yang tahu menyesuaikan diri-
nya dalam keadaan hidup di-masa
hadapan. Tuan Pengerusi, sudah
banyak Ahli² Yang Berhormat dalam
Dewan ini mengemukakan tentang
bagaimana tanda² semboyan ke-
runtohan akhlak yang sedang berlaku
dalam masyarakat kita terutama di-
kalangan² pelajar di-sekolah menengah
dan di-sekolah tinggi dan juga di-
kalangan guru² maka patut-lah
Kementerian ini mengambil perhatian
yang berat.

Tuan Pengerusi, hal tentang ada-nya
pegawai² expatriate di-dalam Jabatan
Kementerian Pelajaran ini, tahun² yang
lalu pernah Dewan ini di-suarakan
dengan pandangan² supaya pegawai²
expatriate ini di-kurangkan. Dan ini

mendapat perhatian yang sa-wajar-nya daripada pehak Menteri Yang Berhormat sendiri. Tetapi melihat di dalam budget ini pada muka 83 Item (63), (64) tentang bayaran kepada expatriate dan allowance² kepada pegawai² expatriate yang pension, kedua²-nya ini ada-lah jika di-jumlahkan sa-banyak \$243,316 ia-itu satu jumlah yang jauh besar daripada jumlah tahun yang lalu—tahun 1961. Jumlah tahun ini sa-banyak \$359,020 sedangkan jumlah tahun lalu \$111,704 kelebihan ini ada-lah sa-banyak \$247,316. Ada-kah ini berma'ana bahawa sa-sudah pehak Menteri Yang Berhormat mengaku bagaimana mustahak-nya pegawai² expatriate ini di-kurangkan, kemudian sa-tahun kasatahun di-tambah dengan bagitu besar. Atau pun berma'ana bahawa pegawai² expatriate di-dalam Jabatan Kementerian Pelajaran pada tahun ini telah bertambah berlipat kali ganda. Ini perlu-lah Dewan ini mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat itu supaya hilang shak wasangka dan ragu² bagi pehak Dewan yang mulia ini.

Di-samping itu mudah²an kenyataan di-dalam butir Item (63) dan (64) ini dalam budget tahun yang akan datang kalau tidak pun di-lenyapkan semua sa-kali akan bertambah kurang daripada tahun ini bahkan daripada tahun² yang lalu.

Tuan Pengerusi, berchakap berkenaan dengan pemberian kepada sekolah² rendah yang di-bantu penoh, maka saya suka-lah menarek perhatian kepada pehak Kementerian Pelajaran ini tentang soal bantuan kepada sekolah² itu. Di-negeri Kelantan ada sa-buah sekolah Inggeris di-bandar Kota Bharu Sultan Ismail College nama-nya, pada tahun ini alhamdullillah telah mendapat sa-buah bangunan baharu bagi mengatasi kesulitan tempat belajar bagi murid² di-bahagian primary dan dapat-lah mereka itu belajar berasingan daripada bahagian menengah. Akan tetapi satu perkara yang menjadi masaalah beberapa masa yang telah lalu ia-lah masaalah kedai makan. Telah beberapa

kali pernah Jema'ah Pengurus sekolah itu, yang saya salah sa-orang daripadanya, mengemukakan kepada pehak Kementerian ini melalui Ketua Pegawai Pelajaran di-negeri Kelantan supaya Kementerian ini membangunkan sa-buah kedai makan atau tuck shop bagi murid² bahagian rendah di-bangunan sekolah yang baharu itu. Sampai berkali² menulis surat maka berkali²-lah kami menerima jawapan daripada pehak Kementerian ini mengatakan tidak sanggup mengadakannya melainkan sa-hingga semua sekolah² di-luar bandar di-bangunan baharu-lah Kementerian ini membangunkan tuck shop itu. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini patut-lah pehak Kementerian ini mengambil berat. Dengan tidak ada satu bangunan untok tempat makan bagi murid² yang hampir beribu² orang itu ada-lah satu kesilapan yang besar yang mesti di-tanggung oleh Kementerian ini. Erti-nya jika tidak ada tempat makan yang khas bagi murid² itu sama-lah erti-nya membenarkan murid² ini keluar membeli makanan pada China kelentong atau pun kereta² tolak yang menjual di-tepi² jalan dan ini menyebabkan soal kesihatan dan discipline murid² itu tidak terjaga. Jadi, akhir tahun 1961 ini sa-sudah kechiwa Jema'ah Pengurus untok mendapatkan timbang rasa daripada pehak Kementerian ini terpaksa-lah Jema'ah Pengurus itu mengeluarkan wang-nya sendiri bagi membangunkan bangunan baharu itu. Walau bagaimana sa-kali pun pehak Jema'ah Pengurus yang telah mengeluarkan wang untok tuck shop di-sekolah Sultan Ismail itu menuntut kepada pehak Kementerian ini supaya digantikan balek wang itu. Di-harap bagi pehak Kementerian ini mengambil perhatian dan tolong-lah memberikan timbang rasa kepada pehak Jema'ah Pengurus sekolah tersebut.

Tuan Pengerusi, berbalek saya berchakap sedikit berkenaan dengan soal bantuan sekolah ugama ra'ayat di-bawah Sub-head 77 di-muka 103. Bagus-lah nampak-nya tahun ini jumlah wang itu di-keluarkan banyak tetapi saya suka minta kepada pehak

Menteri Yang Berhormat supaya meninjau kembali kepada Penyata Jawatan-Kuasa yang menimbangkan bantuan Kerajaan kepada sekolah² ugama yang bukan Kerajaan yang telah di-lakukan pada tahun 1956. Pada pandangan saya maseh banyak lagi perkara² yang belum di-lakukan mengikut pengeshoran² daripada Jawatan-Kuasa Terpilih bagi membuat satu Penyata tentang soal bantuan sekolah ugama yang bukan Kerajaan ini. Dalam usaha 'am bahagian 8 cheraian 78, sa-hingga sekarang ini pehak Kementerian ini belum-lah melakukan apa². Telah di-chadangkan dalam fasal 78 itu supaya di-adakan peratoran bagi mengemaskan sekolah ugama dalam negeri ini. Perkara ini pernah juga di-putuskan oleh Kongres Guru² Ugama Malaya tahun 1956 dahulu. Sa-benar-nya, Tuan Pengerusi, tujuan bagi mengadakan pengemasan sekolah² ugama ia-lah untuk meninggikan taraf peratoran pentadbiran dan supaya meninggikan darjah pelajaran bagi sekolah² itu. Telah di-laongkan dan di-gemakan dalam Dewan yang mulia ini oleh Ahli² Yang Berhormat tentang kekurangan guru² dan sa-hingga sekarang ini untuk mendapat guru² ugama yang berkelayakan bagi mengajar di-sekolah menengah samata² tertumpu kepada College Islam atau pun Muslim College. Pada hal jika pehak Kementerian ini melaksanakan keputusan Jawatan-Kuasa itu mengikut perenggan 78 neschaya sudah-lah kita dapat atasi kesulitan itu dengan meninggikan taraf pentadbiran dan taraf peratoran serta darjah pelajaran tiap² sekolah yang di-bantu oleh Kerajaan. Maka sudah sa-patut dan mustahak-lah sekolah² ugama itu dudok di-bawah satu peratoran satu tangga mata pelajaran yang sama, yang dengan sendiri-nya kesulitan² itu dapat di-atasi. Dan tidak-lah sa-hingga beberapa tahun Penyata itu di-siapkan tetapi kita maseh dapati kekurangan² yang menyedehkan.

Mr. Chairman: Time is up.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr. Speaker in the Chair)

THE SUPPLY BILL, 1962

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, bagaimana telah saya nyatakan tadi bahawa Penyata Jawatan-Kuasa menimbang bantuan Kerajaan bagi Sekolah² Ugama yang bukan Kerajaan di-buat tahun 1956 itu patut di-kaji dan di-semak sa-mula, dan ada lebeh baik dengan segera-nya pehak Kementerian ini berikhtiar melantek sa-buah jawatan-kuasa baru bagi mengkaji dan menyemak sa-mula itu. Di-dalam melaksanakan kerja mengkaji itu, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sangat-lah mustahak dan patut sa-kali dia meminta pandangan dan shor daripada Juma'ah Jawatan-Kuasa yang menguruskan tiap² Sekolah Ugama Ra'ayat itu sendiri, supaya dengan demikian pandangan² yang betul dan pandangan² yang baik daripada tiap² kalangan Sekolah Ugama Ra'ayat itu dapat menjadi bahan pertimbangan bagi jawatan-kuasa yang hendak mengkaji dan menyemak sa-mula penyata yang di-buat tahun 1956 itu. Sa-hingga sa-karang ini sudah hampir tujuh tahun lama-nya sudah sampai masa-nya penyata itu mesti di-kaji sa-mula.

Tuan Yang di-Pertua, berchapak berkenaan dengan Sub-head 15 dan juga Sub-head 50 berkenaan dengan menjaga dan mengawal sekolah² serta bangunan², saya dapati pembangunan² atau usaha² yang membangunkan sekolah baharu di-negeri Kelantan itu sangat-lah lambat. Pada tahun yang lalu saya telah kemukakan masaalah kelambatan membangunkan Sekolah² Kebangsaan itu, tetapi jawapan-nya tidak dapat kerjasama daripada Kerajaan negeri dalam soal tanah² bagi membuat tapak sekolah itu. Tetapi apa yang sa-benar-nya yang sa-sudah saya dapat tahu daripada Ketua Pegawai negeri Kelantan sendiri bahawa tanah bagi membuat tapak

sekolah itu memang telah sedia ada di-tempat Sekolah Ra'ayat atau Sekolah Kebangsaan yang telah burok itu. Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam hal menjaga sekolah² di-Kelantan-lah Sekolah² Kebangsaan itu sangat terbiar keada'an-nya, sa-tengah-nya telah tiris atap-nya dan burok dinding-nya, telah di-di-beritahu tapi tidak dapat perhatian baik sa-hingga sampai-lah sekolah itu burok dan runtoh di-pukul ribut atau runtoh-lah dia kalau sudah sampai ajal-nya. Pada waktu itu baharu-lah pehak Pejabat Pelajaran bersibok ka-hulu ka-hilir mengambil tahu hal ini dan berikhtiar mengadakan bangunan baharu, pada hal kalau sekolah² itu di-jaga daripada mula-nya saya percaya pehak Kementerian tidak akan rugi banyak. Sa-belum saya dudok, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentoh sedikit dalam muka 82 Item (36) berkenaan dengan terjemahan Melayu. Nampak-nya tahun yang lalu dan sakarang ini sama sahaja di-beri sa-banyak \$10 token vote. Saya tidak mengetahui sampai begitu chuai Kementerian ini tidak dapat mengadakan satu scheme yang khas pada jabatan yang bagini penting, Ibu Pejabat Penterjemah Melayu. Saya berharap benar-lah kapada Kementerian ini bagi mengadakan scheme yang sa-suai bagi menggantikan token vote yang lalu.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Bulan Bahasa Kebangsaan, alhamdulillah nampak-nya tahun ini bertambah baik, saya percaya tentang soal Bulan Bahasa Kebangsaan ini jangan-lah saperti tahun yang lalu juga hasil-nya, saya bimbang wang yang banyak itu tidak membuahkan hasil yang baik saperti mana di-adakan tiap² tahun dahulu, mula-nya Minggu Bahasa Kebangsaan, kemudian Bulan Bahasa Kebangsaan. Sa-benar-nya usaha² dan niat Kerajaan hendak membentok atau hendak memperkenalkan Bahasa Kebangsaan itu dan memasokkan rasa chinta dan kaseh ra'ayat negeri ini kapada bahasa itu supaya dapat menaikkan mutu bahasa Melayu itu dan melaksanakan-nya

sa-belum tahun 1967 ada-lah baik dan baharu-lah ra'ayat² negeri ini dapat mengamalkan Bahasa Kebangsaan itu baik dalam Pejabat Kerajaan atau pun pehak orang ramai dengan penoh bertanggung-jawab.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, di-dalam ucapan yang telah di-berikan oleh Yang Berhormat Menteri Muda Pelajaran, dia telah menyatakan bahawa tujuan asas bagi dasar pelajaran baharu ia-lah tuntutan perpaduan negeri ini. Tidak-lah sempurna perbahathan ini melainkan soal itu menjadi pokok bagi tiap² sa-orang yang ada dalam Dewan ini. Saya merasa dukachita dan kesal atas ucapan yang telah di-berikan oleh Wakil dari Telok Anson yang telah mengulang ucapan-nya itu. Sebab dahulu telah di-sebut-nya dan di-ulang²-nya sa-hingga hari ini. Saya menyatakan sokongan penoh kapada pehak² sa-belah sana yang telah menyatakan rasa tidak puas hati atas ucapan itu sudah terlalu bagi di-bawa dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak akan dapat berhasil dasar yang di-umumkan oleh Menteri Muda Yang Berhormat itu kalau sa-kira-nya maseh ada orang² yang maseh tidak mahu menerima dasar itu dan hari² meneriakkan di-mana mereka berada. Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, supaya Kerajaan bertambah tegas dalam masaalah ini sa-hingga terchipta-lah apa dasar yang dapat menyalorkan pelajaran negeri ini atas dasar kebangsaan dan menghidupkan kebudayaan kebangsaan negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahathan tadi telah ada rayuan² Yang Berhormat menyatakan berkenaan dengan kemundoran anak² Melayu di-sekolah² Melayu dan menuntut supaya penyiasatan dalam perkara ini di-sempurnakan dan hasil-nya di-keluarkan. Saya harap tahun hadapan ini bukan-lah lagi tahun penyiaran bagi hasil² penyiasatan tetapi tahun perlaksanaan bagi shor²

yang ada dalam penyiasatan itu. Jangan-lah ada lagi sa-barang halangan daripada sesiapa pun dalam menjalankan shor² bagi membetulkan kedudukan pelajaran anak² Melayu pada masa ini. Apabila kita sebutkan hal pelajaran anak² Melayu maka saya suka menarek pandangan Menteri Yang Berhormat kepada Sub-head 90—Scholarships and Training Awards for Teachers—pada guru dan scholarship bagi pre-university dan scholarship² yang lain. Dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu salah satu daripada kelulusan-nya ia-lah memberi keadilan quota bagi scholarship untuk anak² Melayu memajukan pelajaran di-negeri ini. Ini bukan-lah satu perkara yang patut di-dengikikan oleh sesiapa pun tetapi saya berasa hairan ada sa-orang Ketua Persatuan Guru² Persekutuan Tanah Melayu yang baharu² ini telah mengeluarkan satu fikiran yang di-sampaikan kepada Kementerian Pelajaran ia-itu Mr. Theerat Ram mengatakan bahawa Kerajaan patut mengkaji sa-mula kedudukan memberi quota dalam hal scholarship dalam negeri ini. Ia merasa bahawa bagi kepentingan kemajuan pelajaran negeri ini dan bagi kepentingan mengujudkan guru² yang layak di-negeri ini maka jangan-lah hendak-nya Kerajaan negeri ini terlalu dekat kepada dasar yang di-ujudkan dalam quota scholarship menurut yang di-luluskan oleh Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Saya memandang ini ada-lah satu fikiran yang jahat sa-kira-nya di-sambut oleh Kementerian ini dan di-lakukan maka akan menjahanamkan kepentingan yang ada sedikit di-beri oleh Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu itu pada orang² Melayu. Kita tahu bahawa negeri ini mempunyai tuntutan² yang tertentu bagi kemajuan, tetapi jangan-lah kepentingan² yang telah di-akui penting-nya bagi orang² Melayu di-lapangan pelajaran itu di-ganggu. Bagi anak² Melayu hanya dengan ini sahaja-lah mereka akan dapat mengikut perkembangan hidup dalam negeri ini dan sa-kira-nya hal ini di-chuba untuk di-pechahkan maka saya perchaya rasa ketidak

puasan yang ada pada orang² Melayu akan mendatangkan bahaya pada negeri ini semua. Apabila kita lihat—saya berchakap berkenaan dengan pepereksaan di-bawah item Examination Board—kekurangan kejayaan yang nyata dalam pepereksaan di-Persekutuan Tanah Melayu yang mengkhuatiri yang telah menjadi perbahathan dalam Dewan ini ada-lah satu perkara yang besar. Bagi saya saya maseh memikirkan bahawa satu daripada sebab yang besar bagi kekurangan kejayaan dalam sekolah² kita terutama dalam sekolah² menengah ia-lah kekurangan guru² yang berkelayakan dan terlateh. Saya, Tuan Pengerusi, ada-lah sa-orang daripada anggota pengelola bagi sa-buah sekolah menengah ia-itu Sekolah Zainab, Kota Baharu. Dalam sekolah yang murid-nya menchapai angka ribu bilangannya itu kita dapati bahawa kekosongan guru bukan-lah 10 persen, tetapi lebih daripada 50 persen dan kalau pun di-isi maka dia itu di-isi dengan guru² sementara yang kelayakan-nya menurut kadar sahaja. Jumaah Pengurus bagi sa-sabuah sekolah ada-lah berkewajipan memikirkan soal ini tetapi apakan daya sa-buah Jumaah Pengurus walau apa yang di-beri dari kebolehan kewangan sa-kira-nya guru² itu tidak juga dapat memberi apa² kepada-nya. Maka sa-lagi kedudukan guru² ini tidak dapat di-selesaikan oleh Kerajaan, saya perchaya untong nasib kanak² kita amatlah mendukachitakan. Akan tiba masa-nya oleh sebab kekurangan guru² ini negeri ini akan menjadi sa-buah negeri yang penoh dengan kekechiwaan dalam pelajaran. Saya mengharapkan bahagian latehan bagi guru² sekolah menengah dan juga guru² sekolah rendah di-lipat-gandakan dalam tenaga-nya dan kalau Kerajaan merasa bahawa hal ini mementingkan pada layanan yang istimewa pada guru² sekolah menengah umpama-nya, maka saya rasa patut-lah di-lakukan.

Pernah saya pergi di-sabuah sekolah kebangsaan yang mempunyai 5 darjah tetapi mempunyai 2 orang guru. Tidak

lah dapat kita hendak bertanya bagaimana-kah guru ini menjalankan darjah mereka yang 5 darjah dengan 2 orang guru itu. Saolah² mereka ini di-kehendaki menjadi ahli² circus yang pandai menjalankan darjah sa-hingga mereka merasa bahawa oleh sebab kekurangan guru bagi memenohi jawatan ini, maka anak² kita di-kampung terutama anak² Melayu tidak mendapat kelulusan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, tidak-lah saya menafikan bahawa Kerajaan telah mengambil langkah² bagi melateh guru², tetapi saya mengharapkan langkah² itu dilebuhkan, dan jika mustahak, diwujudkan chara² menambah guru bagi sa-suatu masa umpama-nya asalkan boleh mereka yang belajar itu mendapat layanan yang baik. Di-Sekolah Menengah pada masa ini satu daripada ubat yang berlaku dengan sendiri-nya dan saya tidak fikir dengan usaha awal dari Kementerian, ada-lah menggunakan penuntut yang berchuti dalam Universiti Malaya bagi memenohi tuntutan² kekurangan guru di-sekolah². Tetapi apa-kah bahaya yang berlaku dengan perbuatan yang demikian ia-lah bahawa pada awal tahun mereka ini memegang jawatan guru, dan sekolah² ini berasa puas hati, kerana mendapat penuntut² dari universiti itu mengajar, akan tetapi, apabila sampai bulan May maka terberhenti-lah dengan sendiri jawatan mereka itu, dan menchari guru pada bulan itu akan menjadi satu kesulitan yang amat besar bagi sekolah itu. Hal ini, Tuan Yang di-Pertua, semua-nya memberi jawapan kepada tanda tanya yang menyebabkan kekurangan kejayaan dalam sekolah² itu. Dalam menjayakan murid² di-sekolah, dan dalam membahathkan soal mewujudkan gulungan bagi jaya dalam sekolah, saya telah menyebutkan dalam Dewan yang bertuah ini kepada satu perkara yang telah pun di-sebutkan oleh Yang Berhormat dari Temerloh ia-itu "automatic promotion" (naik darjah dengan sendiri-nya). Tanya-lah, Tuan Yang di-Pertua, mana guru pun, dan tanya-lah mana bapa pun, tidak sa-orang pun menafikan sa-dikit sa-

banyak-nya ada kesan di-dalam kekechiwaan di-sebabkan oleh "automatic promotion". Tuan Yang di-Pertua, kepada Dewan yang bertuah ini telah saya minta dan kepada Menteri Yang Berhormat telah saya kemukakan supaya memikirkan dengan halus prinsip "automatic promotion". Saya merasa walau pun di-dalam dasar pendidekan moden "automatic promotion" ini ada-lah satu perkara yang di-terima, tetapi, bagi kita yang menginsafi bahawa ini menjadi unsur bagi kelemahan kemajuan kanak² kita, elok-lah kita chuba mewujudkan satu peratoran yang sunggoh bagi membolehkan anak kita itu di-pereksa di-dalam kelas-nya masing² supaya angka kejayaan atau markah kejayaan pada tiap² tahun itu di-jumlahkan, dan mendapat pertimbangan di-dalam pertimbangan akhir bagi pepereksaan sa-saorang murid itu. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, walau pun ada pada masa ini satu peratoran ia-itu pepereksaan yang di-jalankan dalam kelas oleh guru²-nya, tetapi sa-lagi angka kejayaan atau pun ketidakejayaan sa-saorang itu tidak dapat mempengaruhi angka akhir dari markah-nya, maka mereka akan memandang kechil kepada pepereksaan² itu. Saya berharap supaya Kementerian Pelajaran memikirkan sa-mula hal ini, dan supaya mendapat satu chara yang sunggoh² dapat mendorong semua anak kita supaya berjaya.

Tidak dapat kita nafikan bahawa kejayaan penuntut² kita berhubung tentang kegiatan guru mengajar, ada. Maka saya dalam perkara ini suka menarek perhatian Dewan yang bertuah ini kepada soal Nadhir (Inspectorate) yang ada dalam Estimates ini. Kalau kita perhatikan Federal Inspectorate, Item 241—Inspector of Schools—angka-nya 29 lelaki dan 5 perempuan— $29 + 5 = 34$. 34 orang menghadapi murid 750,000 orang tidak-lah dapat di-salahkan kepada mereka ini, sa-kira-nya pekerjaan Nadhir ini tidak dapat menjayakan tujuan asal, saperti sa-orang Ahli Yang Berhormat dari sa-belah sana telah menyatakan keraguan-nya apakah guna-nya Nazir ini semenjak

mereka itu di-adakan, sedang hasil peperiksaan anak kita lemah seperti dahulu juga? Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah sampai ka-situ mengagakkan. Pada fikiran saya tentu-lah ada guna Nazir ini, tetapi oleh kerana bilangan mereka 34 orang bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu dan memandang kepada begitu banyak sekolah dengan jenis yang berlainan di-tempat yang berjauhan, saya rasa kita ada-lah meletakkan satu tugas yang mustahil dapat di-lakukan oleh bilangan yang kecil itu. Maka itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang patut diperhatikan oleh Kementerian supaya bilangan Nazir dapat di-betulkan dan di-tambah agak sa-suai dengan makulnya dalam menjalankan tugas mereka yang besar dalam kawasan dan angka murid yang besar.

Nazir² Bebas yang bertugas ini telah pula menyebabkan sedikit sa-banyak kesusahan di-dalam sistem atau susunan yang ada sekarang. Kita tahu bagi sa-buah sekolah mereka ada Pengelola, ada Nazir Bebas dan ada Guru Pelawat. Masing² ini melawat sekolah. Sa-orang guru menjadi "bola tendangan" bagi tiga ahli pendidekan yang berlainan dalam fikiran. Boleh jadi, Menteri Yang Berhormat mengatakan, ini tidak betul, tetapi saya mengatakan ini betul, sebab saya telah berjumpa beberapa sekolah yang bagini pengalaman-nya. Tuan Pengelola datang memberi shor-nya, datang pula Nazir Bebas memberikan shor-nya dan datang pula Guru Pelawat dengan chara-nya memberikan shor-nya. Ketiga² ini ada bersamaan, tidak jarang berlainan. Mereka ini, Tuan Yang di-Pertua, kadang² sampai mengatakan: "Oh. Jangan pedulikan hal dia, sebab awak bertanggungjawab kepada saya." Hingga akhirnya jadi-lah guru ini merasa kalau ketiga² ini berlawanan, maka dia merasa biar-lah dia menchuba menjalankan menurut fikiran-nya sendiri, maka empat chara pengajaran berlaku dalam sekolah Persekutuan Tanah Melayu ini. Saya berharap supaya pada masa hadapan ini biar-lah orang yang merupakan tiga jenis ini benar² di-satukan dalam pandangan-nya.

Memang benar, Tuan Yang di-Pertua, konsep Nazir Bebas ini ia-lah mewujudkan perlawanan daripada keada'an biasa. Kalau dia sa-rupa dengan keada'an biasa apa guna dia Nazir Bebas? Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, "Terlalu banyak tukang masak menyebabkan masakan kita itu tidak menyedapkan sa-siapa". Saya fikir hal ini dapat di-adakan dengan mengadakan "seminar" bagi orang ini sendiri membahathkan chara yang sa-suai bagi susunan pengajaran pelajaran dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-perkara yang besar tidak boleh di-tinggalkan pertimbangan-nya ia-lah perkara University of Malaya. Kita tahu daripada ucapan Yang Berhormat Menteri Muda Pelajaran bahawa University of Malaya ia-lah sa-buah University Kebangsaan yang pada masa ini di-tanggung perbelanjaan-nya oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan Singapura boleh jadi akan di-kenakan membayar di-atas sa-bahagian yang di-gunakan oleh murid²-nya itu. Beban yang di-kenakan atas Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu di-dalam hal University of Malaya ini tentu-lah dapat di-saimbangkan dengan hak yang di-lakukan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu terhadap University ini.

University Kebangsaan ada-lah sa-buah University yang pusat pengajiannya dan chara-nya kepada persesuaian pada dasar Kebangsaan, tidak sahaja soal bahasa menjadi soal tetapi soal isi pengajian di-dalam-nya. Sa-bagai sa-buah University tentu-lah penimbangan University ini memerlukan kebebasan. Sebab perputaran pelajaran itu akan dapat dari kebebasan pelajaran, akan tetapi bagi kita yang hendak mewujudkan satu pemusatan pengajaran dalam negeri ini penting-lah saya rasa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mulai dari sekarang menyuarakan kepada University of Malaya supaya di-mulakan dalam University of Malaya itu pandangan² di-dalam pendidekan pelajaran dengan asas kepada negeri ini. Khas-nya yang ada di-dalam kebangsaan negeri ini dan

hususnya yang ada di-dalam siasah hidup negeri ini.

Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, Persekutuan Tanah Melayu ada-lah sa-buah negeri yang mempunyai kedudukan geographi yang tersendiri di-timor dan di-tengah² masharakat. Maka amat-lah mustahak di-dalam pengajian yang di-ajar di-dalam University of Malaya ini di-bentuk pemikiran yang merupakan sipat asal bagi unsor kebangsaan negeri ini. Tidak-lah saya nafikan bahawa pengetahuan itu ada-lah soal international, soal yang tidak mengenal batasan-nya. Tetapi akan tidak sempurna-lah sa-buah University dalam penyesuaian-nya pada Dasar Kebangsaan sa-kira-nya di-lupakan asas kedudukan-nya. Ini, bermakna. Tuan Yang di-Pertua, bahawa pengajian di-University dengan di-dahulukan-nya di-dalam pengajian² timor dari Eropah maka hendak-lah di-wujudkan pengajian² pada umum-nya di-timbulkan. Chuba kita lihat di-dalam siasah jangan-lah hanya di-dalam bahagian² Islamic Study umpama-nya di-dalam bahagian² pengajian² China sahaja akan dapat keberatan atau perhatian kapada pengajian timor tetapi biar-lah pada kursus umum di-dalam menggunakan fikiran² sama ada fikiran² itu fikiran siasah, sama ada fikiran² itu fikiran pentadbiran, sama ada fikiran² itu fikiran taraf hidup biar-lah dimulakan dari sekarang ini dengan di-berikan pandangan timor yang ada di-sekeliling kita. Kursus umum tentu-lah tidak membahayakan tetapi peneakan kapada pelajaran yang bukan dalam negeri ini akan mengakibatkan serta mengikat negeri ini kapada kebudayaan yang asing daripada kebudayaan negeri ini. Penjajahan sudah pergi tetapi jangan-lah pula timbul penjajahan fikiran yang akan mengendalikakan hidup kita dari sumber yang tidak dapat di-tinggalkan oleh penjajahan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada soal² itu, ada soal² yang kecil yang saya minta di-timbangkan ia-itu berkenaan dengan kemasokan budak² di-sekolah² dan berkenaan

dengan umur yang telah di-sebutkan oleh Menteri Yang Berhormat ini. Semalam saya mendapat talipon daripada Bachok kawasan saya. Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa umur bagi tahun 1962 telah di-naikkan kapada 13 tahun sa-bagai peringkat akhir di-sekolah. Tuan C.E.O., Ketua Pegawai Pelajaran Negeri Kelantan telah mengeluarkan siaran baharu² ini tidak membenarkan murid² darjah VI untok mengulangi pelajaran lagi kiranya dia tidak lulus walau pun umurnya maseh di-kalangi 13 tahun. Tuan Yang di-Pertua, ini telah menyebabkan ibu-bapa di-sana dengan perintah yang di-keluarkan oleh tuan Pegawai itu maka timbul perasaan khuatir kapada ibu-bapa dan saya berharap supaya keadaan ini di-perbetulkan supaya dapat-lah murid² yang ada kelulusan umur-nya bagi meneruskan pelajaran-nya sa-tahun lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada perkara yang saya hendak chakapkan di-sini, tadi telah di-sebutkan oleh kawan² saya berkenaan dengan Hostel. Saya tidak hendak menyebutkan kepentingan soal Hostel ini chuma saya hendak bertanya. Sub-head 26, Hostel ini pada tahun sudah peruntukan-nya ia-lah \$1,846,000 dan pada tahun ini \$1,246,011 jadi \$600,000 kurang-nya dalam tahun dahulu. Pada ketika kita hendak memajukan orang² Melayu di-dalam pelajaran, maka saya memandangkan ini ada-lah satu kesalahan yang besar apabila kita kurangkan peruntukan kapada Hostel ini. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, di-mana-lah harapan bagi budak² Melayu sa-kira-nya soal ini tidak di-tambahkan. Maka hal ini, Tuan Yang di-Pertua, harap-lah di-jelaskan oleh Kementerian ini dan di-betulkan sebab kepentingan-nya telah pun di-nyatakan oleh kawan² yang terdahulu daripada saya.

The Assistant Minister of Education (Enche' Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan): Tuan Yang di-Pertua, hari ini ada-lah hari yang ketiga dalam perbahasan peruntukan belanjawan Kementerian saya. Dalam perbahathan ini ramai Ahli² Yang

Berhormat telah mengeluarkan pandangan² mereka dan kritik², sa-tengah² daripada kritik² itu ada-lah kritik² yang membena dan saya sambut dengan baik-nya. Dan juga ada sa-bilangan yang kecil yang membuat kritik² yang melampau² tidak patut di-keluarkan. Tuan Yang di-Pertua, saya akan chuba menjawab sa-tengah² daripada perkara² yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat dalam masa membahathkan peruntukan ini sa-lama tiga hari.

Ahli² Yang Berhormat dari Pasir Puteh bertanya kenapa peruntokan wang kepada Muslim College Klang di-kurangkan ia-itu sa-banyak \$60,000 sahaja bagi tahun ini sungguh pun ada sa-banyak \$174,892 termasuk Department of Islamic Studies. Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah menyatakan di-sini ia-itu Muslim College sendiri telah meminta bantuan sa-banyak itu. Jadi, ini bukan-lah kesalahan bagi Kementerian saya kerana Muslim College berkehendakan sa-banyak itu saja.

Ahli Yang Berhormat dari Besut telah menyentoh di-atas perkara pendidekan akhlak. Saya suka hendak menyatakan di-sini bahawa Kementerian saya insaf dan sedar tentang peri mustahak-nya pendidekan akhlak dan bagi maksud ini-lah pendidekan ugama ada di-berikan di-sekolah².

AN HONOURABLE MEMBER: Hear, hear.

Enche' Abdul Hamid Khan: Pendidekan akhlak itu di-beri di-luar masa belajar di-adakan di-sekolah. Dengan ranchangan yang demikian bukan sahaja kita dapat mendidik anak² bangsa kita mendapat kemajuan dari segi mata pelajaran tetapi nilai yang terpuji.

Dengan ada-nya lebih bertambah lagi guru² Ugama sama ada di-peringkat Pelajaran Rendah mahu pun di-peringkat Menengah, saya berharap keada'an yang sa-macam ini bertambah² lagi baik-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah bertanya berkenaan dengan perlantekan guru² perempuan bagi guru² Ugama dan di-sini saya suka-lah memberitahu ia-itu guru² Ugama perempuan yang mengajar di-Sekolah² Rendah tentang lantekan-nya terpulang kepada tiap² negeri, oleh kerana soal Ugama ada-lah soal negeri. Kementerian saya juga ada ranchangan untuk memberi latehan kepada guru² Ugama di-peringkat Menengah dan sa-kira-nya ada guru² perempuan yang ada kebolehan untuk mengajar di-Sekolah Menengah mereka itu juga akan dapat.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, soal Yang Berhormat ini berkenaan dengan perenggan 74 daripada Penyata Jawatan-Kuasa Menimbang Bantuan kepada Sekolah² Ugama yang bukan Kerajaan. Perenggan 74 berbunyi: "Kami mengeshor-kan....."

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Bagi penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, perenggan 78 bukan 74.

Enche' Abdul Hamid Khan: Di-sini, saya bachakan perenggan 74 dahulu, kemudian perenggan 78. Perenggan 74 itu berbunyi:

"Kami mengeshorkan supaya di-pohon persetujuan Duli² Yang Maha Mulia Raja² Melayu bagi mengadakan sa-buah Jawatan-Kuasa Penasihat Pelajaran Ugama kepada Menteri Pelajaran. Jawatan-Kuasa ini hendak-lah mengandongi wakil² daripada tiap² negeri Melayu, Settlement dan pertubohan² orang ramai yang berkenaan dengan pelajaran Ugama serta College Islam".

Oleh sebab Raja² Melayu sudah pun ada satu Jawatan-Kuasa Tetap berkenaan dengan perkara² Ugama maka yang di-fikirkan apa² perkara yang patut di-timbangan oleh Jawatan-Kuasa Penasihat Pelajaran seperti yang di-chadangkan boleh-lah di-rojo'kan bagi timbangan Jawatan-Kuasa Tetap berkenaan dengan perkara² Ugama.

Perenggan 78 berbunyi:

"Kami mengeshorkan dengan kuat-nya supaya di-adakan satu Undang² khas bagi

pendaftaran Sekolah², guru² kelolaan dan sa-bagai-nya yang mengenai Sekolah² Ugama ini. Shor ini harap di-timbang-kan”.

